



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI SELANGOR TAHUN 2007



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	34
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)	35
BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENCI NEGERI	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	39
Objektif Pengauditan	40
Skop Dan Kaedah Pengauditan	40
Penemuan Audit	41
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	51
Rumusan Dan Syor Audit	52
BAHAGIAN V : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/ AGENCI NEGERI	
PKNS Engineeing & Construction Bhd.	54

**BAHAGIAN VI : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,
PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA
ISLAM**

Pendahuluan	77
Pengauditan Penyata Kewangan	77
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	77
Pensijilan Penyata Kewangan	78
Pembentangan Penyata Kewangan	80
Prestasi Kewangan	81

**BAHAGIAN VII : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**

Pendahuluan	84
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	84

**BAHAGIAN VIII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	99
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	99

PENUTUP 100

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	101
II	Lembaran Imbangan	102
III	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	103
IV	Penyata Akaun Memorandum	104
V	Penyata Akaun Hasil Disatukan	105
VI	Nota Kepada Akaun	106

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Mulai tahun ini, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti terhadap pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan satu inovasi dengan menetapkan penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Kewangan Negeri Selangor dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di pusat tanggungjawab. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal.

3. Pengauditan Syarikat Kerajaan - Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, maka pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting. Ini adalah untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

4. Laporan ini disediakan dalam 8 Bahagian seperti berikut:

- | | | |
|----------------------|---|--|
| Bahagian I | : | Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 |
| Bahagian II | : | Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| Bahagian III | : | Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| Bahagian IV | : | Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri |
| Bahagian V | : | Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agensi Negeri |
| Bahagian VI | : | Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam |
| Bahagian VII | : | Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri |
| Bahagian VIII | : | Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri |

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu diminta melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

17 Julai 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun 2006. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami peningkatan sejumlah RM394.99 juta atau 39.8% kepada RM1.39 bilion berbanding RM991.75 juta pada tahun 2006. Hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.29 bilion meningkat sejumlah RM124.89 juta atau 10.8% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM1.16 bilion. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah meningkat sejumlah RM65.53 juta menjadi RM1.15 bilion berbanding RM1.09 bilion pada tahun 2006. Kerajaan Negeri berjaya menambah hasil dan mengurangkan tunggakan hasil negeri dalam tahun 2007. Perbelanjaan tahun semasa tidak melebihi hasil yang diterima sungguhpun bajet asal Kerajaan Negeri ditambah untuk menampung perbelanjaan emolumen dan projek. Memandangkan Kerajaan Negeri mempunyai portfolio pelaburan yang besar, pengurusan portfolio yang lebih efisien akan menambahkan lagi hasil Kerajaan Negeri. Usaha-usaha memperkukuhkan ekonomi, menambahbaikkan sistem pengurusan maklumat dan belanja berhemat akan membantu dalam mempertingkatkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada tahun 2007, sebanyak 923 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Setakat Disember 2007, sebanyak 404 projek telah berjaya disiapkan manakala 79 projek lagi sedang dalam pelaksanaan. Sejumlah RM625.54 juta atau 92.3% telah dibelanjakan dari peruntukan sebenar berjumlah RM677.48 juta.

BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan bagi 10 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah baik di mana 8 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap baik dan 2 Jabatan Negeri adalah memuaskan iaitu Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Agama Islam Selangor. Bagaimanapun, prestasi tersebut boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Ketua Jabatan mengambil tindakan ke atas kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit dan mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

BAHAGIAN V - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI

5. PKNS Engineering & Construction Bhd. (PECB) adalah syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1980 dan mempunyai saham bernilai RM10 juta. Aktiviti utama syarikat adalah tertumpu pada bidang kontrak pembinaan dan pembangunan hartanah. Secara keseluruhannya Syarikat telah melaksanakan pengurusannya dengan memuaskan. Bagaimanapun, Syarikat hendaklah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan supaya dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan.

BAHAGIAN VI - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

6. Pada tahun 2007, penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Selangor adalah baik. Kesemua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dapat menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2006 masing-masing untuk diaudit. Sebanyak 32 Penyata Kewangan telah dikeluarkan Sijil Audit iaitu 22 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 10 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran. Sehingga 30 Jun 2008, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 10 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada bulan November 2007. Manakala Penyata Kewangan tahun 2004 dan 2005 bagi 12 Pihak Berkuasa Tempatan juga telah dibentangkan pada tarikh tersebut.

BAHAGIAN VII - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

7. Beberapa Jabatan dan Agensi yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan melengkapkan serta mengemaskinikan rekod kewangan berkaitan. Bagaimanapun, terdapat juga Jabatan/Agensi Negeri yang masih mengambil tindakan susulan atau gagal

mengambil tindakan terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Jabatan/Agensi berkaitan perlu segera mengambil tindakan susulan terhadap kelemahan yang dilaporkan.

BAHAGIAN VIII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007. Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah bersidang sebanyak 3 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Ketua Audit Negara pada 14 Mei 2008. Bagaimanapun, penyata tersebut dikembalikan semula kepada Perbendaharaan Negeri sebanyak dua kali untuk pindaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah dipinda dikemukakan semula kepada Ketua Audit Negara pada 10 Jun 2008 dan 20 Jun 2008. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2007 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan (Nota Kepada Akaun).

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh

Dituntut dan Tunggalan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

2.1 Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2007 selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun Awam seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI.**

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam Penyata Kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

3.1.1 Terimaan

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

3.1.2 Pembayaran

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007. Analisis berkaitan adalah meliputi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah RM1.39 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM776.44 juta dan pelaburan sejumlah RM610.30 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2007
Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	492.99	624.86	131.87	26.7
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	498.76	761.88	263.12	52.8
	i) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	155.21	443.77	288.56	185.9
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	167.79	108.66	(59.13)	(35.2)
	• <i>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i>	16.49	17.98	1.49	9.0
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(28.11)	317.28	345.39	1228.7
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i>	(0.96)	(0.15)	0.81	84.4
	ii) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	141.20	188.36	47.16	33.4
	iii) <i>Akaun Wang Deposit</i>	87.99	129.75	41.76	47.5
	iv) <i>Akaun Kena Bayar</i>	114.36	0.00	(114.36)	(100.0)
	Jumlah	991.75	1,386.74	394.99	39.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	536.84	487.21	420.46	492.99	624.86
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	172.48	328.15	393.15	498.76	761.88
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(120.73)	1.66	49.03	155.21	443.77
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(169.17)	(72.26)	33.77	167.79	108.66
	• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	*	*	13.07	16.49	17.98
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	50.42	75.73	3.71	(28.11)	317.28
	• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	(1.98)	(1.81)	(1.52)	(0.96)	(0.15)
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	93.58	69.97	70.44	141.20	188.36
	iii) Akaun Wang Deposit	87.43	93.31	82.42	87.99	129.75
	iv) Akaun Kena Bayar	112.20	163.21	191.26	114.36	0.00
	Jumlah	709.32	815.36	813.61	991.75	1,386.74

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Nota : * - Baki Akaun Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Bagi Tahun 2003 Dan 2004 Diakaunkan Di Bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

4.1.3 Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan mengalami peningkatan sejumlah RM394.99 juta atau 39.8% kepada RM1.39 bilion berbanding RM991.75 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh pertambahan terimaan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Selain itu, pinjaman pokok daripada anak syarikat dan agensi telah dikontra secara pengeluaran saham dan projek yang menyebabkan peningkatan dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah wang dalam Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Tetap. Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah Wang Tunai yang belum dibankkan manakala Wang Tunai Dalam Tangan ialah Panjar Wang Runcit.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan sejumlah RM205.90 juta atau 36.1% menjadi RM776.44 juta berbanding RM570.54 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2006 dan 2007 seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 dan 2007

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	565.47	738.05	172.58	30.5
2	Wang Tunai Dalam Perjalanan	5.02	38.34	33.32	663.7
3	Panjar Wang Runcit	0.05	0.05	0	0
Jumlah		570.54	776.44	205.90	36.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


4.2.3 Baki Wang Tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

Jadual 4
Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	325.38	427.64	415.21	565.47	738.05
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	17.12	3.72	0.38	5.02	38.34
3.	Panjar Wang Runcit	0.05	0.05	0.04	0.05	0.05
Jumlah		342.55	431.41	415.63	570.54	776.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Carta 1
Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.2.4 Analisis *trend* mendapati baki Wang Tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 mengalami penurunan dan peningkatan. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2003 dan 2004 menunjukkan peningkatan sejumlah RM88.86 juta atau 25.9% menjadi RM431.41 juta berbanding RM342.55 juta pada tahun 2003. Bagi tahun 2005 kedudukan Wang Tunai mengalami penurunan sejumlah RM15.78 juta atau 3.7% menjadi RM415.63 juta berbanding RM431.41 juta pada tahun 2004. Bagi tahun 2006 menunjukkan peningkatan sejumlah RM154.91 juta atau 37.3% menjadi RM570.54 juta berbanding RM415.63 juta pada tahun 2005. Manakala pada tahun 2007 menunjukkan peningkatan sejumlah RM205.90 juta atau 36.1% menjadi RM776.44 juta berbanding RM570.54 juta pada tahun 2006.

4.3 PELABURAN

4.3.1 Seksyen 8 Akta Prosedur Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjukkan di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2007, pelaburan Kerajaan Negeri dalam Lembaran Imbangan berjumlah RM610.30 juta berbanding RM421.21 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM189.09 juta atau 44.9%. Pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am adalah dalam bentuk saham, simpanan tetap dan produk kewangan yang masing-masing berjumlah RM201 juta dan RM90 juta.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah dalam Tabung Warisan, Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan dan Tabung Amanah Lain berjumlah RM319.30 juta.

4.3.2 Pelaburan dalam Tabung Warisan terdiri daripada saham, produk kewangan berstruktur, simpanan tetap dan simpanan dalam Akaun Semasa. Manakala Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan adalah dalam bentuk simpanan tetap yang mana dana diperoleh secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Simpanan ini digunakan sebagai jaminan untuk pinjaman perumahan kos rendah yang diberikan oleh AmBank Berhad kepada setinggan yang layak mendapat pinjaman tersebut. Ini bertujuan menjayakan program penempatan semula setinggan di Negeri Selangor. Perjanjian pinjaman di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan bahawa pinjaman ini akan dibayar balik bersekali dengan faedah pada tahun 2011. Selain itu, pelaburan berjumlah RM20.57 juta adalah dalam bentuk sijil pelaburan Al-Mudharabah, baki akaun semasa dan pinjaman kepada petani. Sijil pelaburan ini digunakan sebagai cagaran untuk kemudahan pinjaman kepada mereka yang layak menyertai program Kerajaan Negeri dalam bidang industri kecil dan sederhana serta sektor pertanian. Manakala dana dalam akaun semasa digunakan untuk pemberian pinjaman kepada petani di bawah Program Pengurusan Berpusat Padi.

4.3.3 Pelaburan dalam saham dan syer telah meningkat sejumlah RM89.98 juta hasil daripada permodalan baki pinjaman pokok dan faedah Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) sejumlah RM94.08 juta. Ini dilakukan secara terbitan 94.08 juta unit saham KDEB bernilai RM1 sesaham yang dikeluarkan kepada Kerajaan Negeri.

4.3.4 Selain itu, Kerajaan Negeri telah melaraskan nilai saham SOPIC berjumlah RM4 juta daripada pelaburan kepada pinjaman. Saham ini telah dijual kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada tahun 1997 dengan harga RM24 juta tetapi Kerajaan Negeri hanya menerima bayaran RM2 juta sahaja. Oleh itu, pelaburan ini terpaksa dikekalkan dalam Penyata Kewangan dan pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah meluluskan tunggakan hutang ini diubah kepada pinjaman oleh Kerajaan Negeri kepada PKPS. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menghapuskira pelaburan sejumlah RM0.1 juta dalam Syarikat Stadium Shah Alam pada tahun 2007.

4.3.5 Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri tahun 2006 dan 2007 seperti di **Jadual 5**.


Jadual 5
Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Kategori Pelaburan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Warisan	176.02	198.43	22.42	12.7
2.	Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan	100.00	100.00	0.00	0.0
3.	Jaminan Bank Pertanian Malaysia	19.17	20.57	1.39	7.3
4.	Dana Kumpulan Wang Perbadanan Menteri Besar	0.00	0.30	0.30	100.0
5.	Saham	111.02	201.00	89.98	81.0
6.	Deposit Dalam Negeri	15.00	90.00	75.00	500.0
Jumlah		421.21	610.30	189.09	44.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.3.6 Kedudukan pelaburan bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.3.7 Analisis *trend* mendapati pelaburan Kerajaan Negeri Selangor semakin meningkat hasil daripada pertambahan pegangan saham KDEB dan peningkatan dana Tabung Warisan.

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus kerajaan kecuali terimaan bagi pinjaman dan amanah. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Acara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan lebih berjumlah RM131.88 juta. Lebihan ini berpunca daripada kutipan hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.29 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.15 bilion. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007 berjumlah RM1.29 bilion iaitu meningkat sejumlah RM124.90 juta atau 10.8% berbanding tahun 2006 berjumlah RM1.16 bilion. Peningkatan ini antaranya terdiri daripada keuntungan atas jualan saham Selangor Palm Oil Industries Corporation (SOPIC) yang belum diterima berjumlah RM18 juta dan telah ditukar menjadi pinjaman oleh Kerajaan Negeri kepada PKPS. Selain itu, sejumlah RM0.42 juta diambil kira sebagai faedah pinjaman setelah pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dikontra dengan nilai projek yang dilaksanakan untuk Kerajaan Negeri. Jumlah hasil mengikut kategori seperti di **Jadual 6**.


Jadual 6
Pungutan Hasil Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Kategori	Tahun		Lebihan/(Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	452.16	446.05	(6.11)	(1.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	494.72	559.82	65.10	13.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	213.32	279.23	65.91	30.9
Jumlah		1,160.20	1,285.10	124.90	10.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada Cukai Tanah Semasa, Premium Geran Tanah, Pemberian Mengikut Penduduk, Tunggakan Cukai Tanah dan Bayaran Perkhidmatan Yang Lain. Analisis terhadap *trend* 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Carta 3**.

Carta 3
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Sebanyak 70 butiran hasil berjumlah RM827.23 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM209.02 juta manakala sebanyak 32 butiran hasil berjumlah RM431.06 juta mengalami penurunan sejumlah RM84.13 juta. Selain itu, 3 butiran hasil berjumlah RM26.81 juta memperoleh jumlah kutipan yang sama seperti tahun lalu. Berikut adalah analisis peningkatan dan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006.

a) Analisis peningkatan yang ketara bagi 3 butiran hasil seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Geran Tanah	309.28	330.03	20.75	6.7	Peningkatan pengeluaran geran baru dan pertukaran syarat penggunaan tanah terutama di Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling, Hulu Langat dan Klang.
2.	Hasil Yang Meragukan	18.58	21.44	2.86	15.4	Tindakan penguatkuasaan oleh Perbendaharaan Negeri.
3.	Terimaan Geran Pelbagai	0.00	63.50	63.50	100.0	Terimaan Geran Kerajaan Persekutuan Bagi Membantu Bayaran Kenaikan Gaji Pokok Dan Elaun Bantuan Sara Hidup Penjawat Awam Di Negeri Selangor berjumlah RM63.5 juta pada tahun 2007.
Jumlah		327.86	414.97	87.11	26.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

b) Penurunan yang ketara bagi 3 butiran hasil seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Penurunan		Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Hasil Tahun Lalu	35.25	6.90	28.35	80.4	Bayaran Pemberian Mengikut Ramai Penduduk peringkat II bagi tahun 2005 berjumlah RM31.47 juta diterima pada tahun 2006.
2.	Pelbagai Jualan	24.75	0.87	23.88	96.5	Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah menjual harta boleh alih bernilai RM24 juta kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
3.	Tunggakan Cukai Tanah	62.50	56.75	5.75	9.2	Proses semakan kadar cukai tanah.
Jumlah		122.50	64.52	57.98	47.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan yang diperuntukkan oleh undang-undang mengikut Perkara 98, Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM65.53 juta atau 6% berbanding RM1.09 bilion bagi tahun 2006 menjadi RM1.15 bilion pada tahun 2007. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Pelbagai Perbelanjaan. Kedudukan Perbelanjaan Mengurus mengikut kategori bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	171.86	169.28	(2.58)	1.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	253.70	286.13	32.43	12.8
3.	Aset	13.74	11.27	(2.47)	(18.0)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	638.29	675.22	36.93	5.8
5.	Perbelanjaan Lain	10.10	11.32	1.22	12.1
Jumlah		1,087.69	1,153.22	65.53	6.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- a) Analisis Audit menunjukkan peningkatan dan penurunan butiran perbelanjaan yang ketara seperti di **Jadual 10**.


Jadual 10
Peningkatan/(Penurunan) Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)	Punca Peningkatan/ (Penurunan)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	19.78	25.50	5.72	28.9	Membekal bahan mentah 'Bituminous Premix' untuk pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan jalan oleh JKR.
2.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	91.55	116.37	24.82	27.1	Bayaran Elaun Guru Ganti dan Pemeriksa Kertas Peperiksaan oleh JAIS.
3.	Pemberian Dalam Negeri	625.62	654.43	28.81	4.6	Pemberian dan bantuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.
4.	Bangunan dan Pembaikan Bangunan	0.75	0.68	(0.07)	(9.3)	Penurunan pembaikan bangunan.
5.	Harta Modal Yang Lain	7.56	3.69	(3.87)	(51.2)	Penurunan pembelian alat kelengkapan.
6.	Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	13.09	0.61	(12.48)	(95.3)	Penurunan pemberian faedah kewangan kepada kakitangan awam.
Jumlah		758.35	801.28	42.93	5.7	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- b) *Trend* Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2003 hingga 2007 seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- c) Analisis terhadap *trend* Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan dari tahun 2003 ke tahun 2004. Bagaimanapun, pada tahun 2005 Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri telah mengalami sedikit penurunan. Manakala, pada tahun 2006 hingga 2007 Perbelanjaan Mengurus terus mencatatkan peningkatan.

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, Akaun Pinjaman Disatukan tidak mempunyai baki pada akhir tahun 2007. Kedudukan ini adalah sama seperti pada akhir tahun 2006. Kerajaan Negeri tidak menerima pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan pada tahun 2007.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Akta Amanah, arahan amanah dan suratcara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Pada tahun 2007 baki Akaun Kena Bayar berjumlah RM103.27 juta telah diambil kira dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Manakala pada tahun-tahun sebelumnya Akaun Kena Bayar ditunjukkan sebagai butiran berasingan dalam Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Baki Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Akaun Amanah Disatukan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	155.21	443.77	288.56	185.9
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	141.20	188.36	47.16	33.4
3.	Akaun Wang Deposit	87.99	129.75	41.76	47.5
4.	Akaun Kena Bayar	114.36	0.00	(114.36)	(100.0)
Jumlah		498.76	761.88	263.12	52.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Jumlah dana tersebut adalah daripada terimaan dalam tahun perakaunan yang meliputi Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM544.64 juta, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15.96 juta dan sejumlah RM0.52 juta daripada pelbagai pendapatan. Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri mempunyai dana berjumlah RM561.12 juta pada tahun 2007.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2007 berjumlah RM620.25 juta berbanding RM459.73 juta pada tahun 2006. Daripada 9 jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, 5 jabatan telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM205.95 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM172.91 juta, Jabatan Agama Islam berjumlah RM57.70 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM49.34 juta dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM49.92 juta. Perbelanjaan pembangunan bagi 5 jabatan tersebut berjumlah RM535.82 juta atau 86.4% daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 2007.

Pada akhir tahun 2007, Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatatkan defisit berjumlah RM59.13 juta berbanding lebihan berjumlah RM134.02 juta pada tahun 2006. Defisit dalam tahun 2007 menyebabkan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007 menyusut kepada RM108.66 juta, di mana baki terkumpul ini juga termasuk sejumlah RM100 juta pinjaman di bawah Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006 dan 2007 seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Baki Pada 1 Januari	33.77	167.79	134.02	396.7
2.	Terimaan	593.75	561.12	(32.63)	(5.5)
3.	Perbelanjaan	459.73	620.25	160.52	34.9
4.	Lebihan/ (Defisit)	134.02	(59.13)	(193.15)	(144.1)
Baki Pada 31 Disember		167.79	108.66	(59.13)	(35.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Peruntukan pada tahun 2007 adalah berjumlah RM544.64 juta berbanding dengan tahun 2006 berjumlah RM534.50 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan 4 Vot Pembangunan berjumlah RM127.48 juta menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 2007 berjumlah RM672.12 juta iaitu pertambahan sejumlah 23.9% dari peruntukan asal. Peruntukan tambahan Perbelanjaan Pembangunan dibuat melalui lebihan terkumpul bagi membiayai bayaran secara kontra ke atas pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri dan projek yang dilaksanakan oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta Jabatan Kerja Raya. Analisis terhadap Perbelanjaan Pembangunan tahun 2007 berbanding tahun 2006 menunjukkan 7 daripada 11 vot mencatatkan peningkatan dan sebanyak 4 vot mengalami penurunan perbelanjaan. Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2006 dan 2007 seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Perbelanjaan Pembangunan Berbanding Peruntukan Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jabatan	Peruntukan			Perbelanjaan		Peningkatan/ (Penurunan) Perbelanjaan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Tambah (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan SUK	170.50	170.00	37.54	165.66	205.95	40.29	24.3
2.	Perbendaharaan Negeri (Projek Am)	45.00	45.00	5.00	44.77	49.92	5.15	11.5
3.	Perbendaharaan Negeri	1.00	1.00	0.00	0.77	0.88	0.11	14.3
4.	Jabatan Pertanian	15.00	16.00	0.00	14.85	13.85	(1.00)	(6.7)
5.	Jabatan Kerja Raya	100.00	127.00	48.94	98.03	172.91	74.88	76.4
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	45.00	50.00	0.00	44.04	49.34	5.30	12.0
7.	Jabatan Agama Islam	90.00	96.00	0.00	62.01	57.70	(4.31)	(7.0)
8.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	2.00	1.10	0.00	1.96	1.10	(0.86)	(43.9)
9.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	6.00	6.47	0.00	5.85	6.08	0.23	3.9
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	10.00	2.07	0.00	3.33	1.65	(1.68)	(50.5)
11.	Luar Jangka	50.00	30.00	36.00	18.45	60.87	42.42	229.9
Jumlah		534.50	544.64	127.48	459.72	620.25	160.53	34.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Analisis Audit menunjukkan peningkatan peratusan perbelanjaan yang sangat ketara ialah Perbelanjaan Luar Jangka berjumlah RM60.87 juta iaitu peningkatan sejumlah RM42.42 juta atau 229.9% berbanding perbelanjaan tahun 2006 berjumlah RM18.45 juta. Jumlah besar Perbelanjaan Luar Jangka pada tahun 2007 adalah disebabkan urus niaga kontra pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri berjumlah RM45.40 juta yang dikenakan ke atas vot ini.

Selain itu, analisis Audit juga menunjukkan peningkatan peratusan perbelanjaan yang ketara bagi Jabatan Kerja Raya sebanyak 76.4% dan Pejabat Menteri Besar Dan SUK sebanyak 24.3%. Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan bagi Jabatan Kerja Raya adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan yang besar bagi Projek Menaiktaraf Jalan dan Jambatan yang berjumlah RM77.92 juta pada tahun 2007 berbanding RM52.07 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 49.6%. Manakala peningkatan Perbelanjaan Pembangunan bagi Pejabat Menteri Besar dan SUK adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan bagi Pelbagai Projek Negeri (Khas) berjumlah RM49.35 juta berbanding RM4.21 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 1,072%.

Dua vot pembangunan yang melibatkan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Jabatan Kehakiman Syariah telah mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu masing-masing 43.9% dan 50.5% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Ini adalah kerana projek yang dirancang belum dilaksanakan.

b) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi pinjaman kepada kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor membeli tanah dan rumah. Bahagian Pinjaman Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman manakala Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod, terimaan dan bayaran pinjaman. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang berjumlah RM17.98 juta berbanding dengan baki pada akhir tahun 2006 berjumlah RM16.49 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.49 juta.

c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang.

- i) Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM317.28 juta berbanding RM86.25 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM231.03 juta atau 267.9%. Analisis Audit terhadap 108 akaun mendapati 34 akaun menyumbang peningkatan sejumlah RM312.26 juta, 18 akaun mengalami penurunan sejumlah RM81.24 juta dan 56 akaun tidak menunjukkan sebarang perbezaan. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain yang melibatkan Akaun Peruntukan sejumlah RM383.54 juta dan 20 akaun pinjaman telah menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM122.98 juta. Peningkatan ini antara lain adalah kerana bayaran balik pinjaman daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Permodalan Negeri Selangor Berhad masing-masing berjumlah RM83 juta, RM65.10 juta dan RM30 juta. Selain itu, peningkatan yang ketara juga melibatkan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan Akaun Urus Niaga Kumpulan Wang Tabung Warisan Negeri yang bertambah sejumlah RM90.91 juta dan RM22.42 juta. Sementara itu, penurunan yang ketara adalah baki Pinjaman Kepada Pendidikan Industri Yayasan Selangor, Akaun Pinjaman Kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Akaun Kena Bayar yang masing-masing menurun sejumlah RM41.87 juta, RM22 juta dan RM11.10 juta. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2006 dan 2007 seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Akaun Amanah Disatukan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	(201.49)	(109.57)	91.92	(45.6)
2.	Akaun Perniagaan	3.16	3.22	0.06	1.9
3.	Akaun Pinjaman	(13.53)	113.04	126.57	(935.5)
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.00
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	290.01	302.49	12.48	4.3
Jumlah		86.25	317.28	231.03	267.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

ii) Kumpulan Wang Luar Jangka

Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka, contohnya bencana alam. Pada tahun 2007, baki peruntukan Kumpulan Wang tersebut berjumlah RM8.10 juta. Semakan Audit mendapati tiada perbelanjaan luar jangka daripada Kumpulan Wang ini dibuat sepanjang tahun 2007.

iii) Kumpulan Wang Tabung Warisan Negeri Selangor

Tabung Warisan diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 bertujuan membolehkan Kerajaan Negeri Selangor mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Pada akhir tahun 2007, baki tabung ini berjumlah RM198.44 juta berbanding RM176.02 juta pada tahun 2006, iaitu peningkatan sejumlah RM22.42 juta atau 12.7%.

Baki Kumpulan Wang ini terdiri daripada pelaburan dalam saham syarikat berjumlah RM95.95 juta, simpanan tetap dan instrumen pasaran wang berjumlah RM89.25 juta wang di bank berjumlah RM13.16 juta dan faedah terakru berjumlah RM82,384. Baki Kumpulan Wang telah bertambah dengan sejumlah RM22.42 juta dalam tahun 2007. Penambahan ini terdiri daripada penerimaan faedah berjumlah RM2.22 juta, dividen saham berjumlah RM5.22 juta dan sumbangan daripada agensi berjumlah RM12.94 juta. Selain itu, Tabung Warisan telah mendapat keuntungan atas jualan saham berjumlah RM1.68 juta dan imbuhan balik dari Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM0.60 juta. Manakala kos operasi tabung adalah berjumlah RM0.25 juta.

iv) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayaran perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2007, baki akaun ini berjumlah RM103.27 juta iaitu menurun sejumlah RM11.09 juta atau 9.7% berbanding RM114.36 juta pada tahun 2006. Analisis peningkatan dan penurunan perbelanjaan antara tahun semasa dengan tahun lepas mengikut Jabatan seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jabatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	34.77	53.78	19.01	54.7
2.	Jabatan Agama Islam	8.75	11.20	2.45	28.0
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.69	1.43	0.74	107.2
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	7.50	7.79	0.29	3.9
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.39	0.60	0.21	53.8
6.	Pejabat Pengelola Bijaya Diraja	0.55	0.68	0.13	23.6
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	0.56	0.64	0.08	14.3
8.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.87	1.93	0.06	3.2
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	0.36	0.39	0.03	8.3
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	1.06	1.06	0.00	0.0
11.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	0.01	0.01	(0.00)	(0.0)
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor	0.15	0.13	(0.02)	(13.3)
13.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	0.48	0.38	(0.10)	(20.8)
14.	Pejabat Mufti	0.19	0.01	(0.18)	(94.7)
15.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	0.70	0.14	(0.56)	(80.0)
16.	Jabatan Perhutanan	1.91	1.34	(0.57)	(29.8)
17.	Jabatan Tanah Dan Galian	2.78	2.19	(0.59)	(21.2)
18.	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	0.82	0.13	(0.69)	(84.1)
19.	Pejabat Dewan Undangan Negeri	1.40	0.70	(0.70)	(50.0)
20.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.97	0.05	(0.92)	(94.8)
21.	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	1.60	0.59	(1.01)	(63.1)
22.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	1.41	0.25	(1.16)	(82.3)
23.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	4.73	1.39	(3.34)	(70.6)
24.	Jabatan Pertanian	6.61	2.13	(4.48)	(67.8)
25.	Pejabat Menteri Besar dan SUK	33.04	13.82	(19.22)	(58.2)
26.	9 Jabatan Lain	1.06	0.51	(0.55)	(51.9)
Jumlah		114.36	103.27	(11.09)	(9.7)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Sebanyak 31 jabatan berbanding 34 jabatan pada tahun 2006 terlibat dalam pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar. Jabatan Kerja Raya menunjukkan jumlah tertinggi iaitu RM53.78 juta atau 52.1% diikuti oleh Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM13.82 juta atau 13.4% daripada jumlah keseluruhan Akaun Kena Bayar.

Selain itu, Jabatan Kerja Raya juga menunjukkan peningkatan Akaun Kena Bayar yang tertinggi sejumlah RM19.01 juta atau 54.7 %. Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Jabatan Agama Islam, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menunjukkan peningkatan yang ketara masing-masing berjumlah RM2.45 juta atau 28%, RM0.74 juta atau 107.2%, RM0.29 juta atau 3.9% dan RM0.21 juta atau 53.8%. Antara alasan yang diberikan oleh jabatan tersebut adalah jabatan membuat perbelanjaan pada saat-saat akhir tahun kewangan, pembekal lewat mengemukakan bil, kelulusan pindah peruntukan dan peruntukan tambahan lewat diterima oleh PTJ. Perbelanjaan bagi jabatan tersebut seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Perbelanjaan Jabatan Bagi Tahun 2007

Jabatan	Perbelanjaan						
	Emolumen (RM Juta)	Perkhidmatan Dan Bekalan (RM Juta)	Aset (RM Juta)	Bayaran Tetap (RM Juta)	Perbelanjaan Lain (RM Juta)	Amanah Dan Pembangunan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1. Jabatan Kerja Raya	0.17	6.38	0.42	0.66	0.00	46.15	53.78
2. Jabatan Agama Islam	1.25	2.30	0.45	0.00	0.00	7.20	11.20
3. Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.02	0.09	0.00	0.08	0.05	1.19	1.43
4. Jabatan Pengairan Dan Saliran	0.22	2.55	0.31	0.00	0.00	4.71	7.79
5. Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.01	0.11	0.04	0.44	0.00	0.00	0.60
Jumlah	1.67	11.43	1.22	1.18	0.05	59.25	74.80

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

d) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini ditubuhkan untuk menguruskan pelbagai projek seperti menyediakan, melaksana dan mengkaji semula rancangan hutan negeri. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh daripada peruntukan Kerajaan Negeri, ses pembangunan hutan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang ini menerima caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM5.36 juta dan hasil kutipan ses berjumlah RM0.75 juta. Perbelanjaan Kumpulan

Wang ini berjumlah RM5.30 juta pada tahun 2007 telah berkurangan sejumlah RM0.15 juta atau 2.8% berbanding RM5.45 juta pada tahun 2006. Kedudukan baki Kumpulan Wang pada akhir tahun 2007 menunjukkan penambahbaikan yang mana Kumpulan Wang berbaki defisit RM0.15 juta berbanding defisit RM0.96 juta pada akhir tahun 2006. Defisit ini telah dapat dikurangkan sejumlah 84.4% dengan kutipan ses kayu balak yang bertambah sejumlah 47.1% dan perbelanjaan yang berkurangan sejumlah 2.8% berbanding tahun 2006.

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada badan-badan dan orang perseorangan kepada kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM47.16 juta atau 33.3% kepada RM188.36 juta pada tahun 2007 berbanding RM141.20 juta pada tahun 2006. Analisis Audit berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2007 terhadap 43 akaun amanah menunjukkan sebanyak 16 akaun meningkat sejumlah RM66.59 juta manakala 13 akaun mengalami pengurangan sejumlah RM19.43 juta. Peningkatan yang ketara antara lain adalah baki akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri, Kumpulan Wang Amanah Kelas Al-Quran dan Fardu Ain dan Caruman Infrastruktur Sosial yang meningkat sejumlah RM59.15 juta masing-masing berjumlah RM47.55 juta, RM5.55 juta dan RM6.05 juta. Manakala pengurangan yang ketara melibatkan baki Akaun Amanah Caruman Parit Dan Saliran, Akaun Amanah Tabung Aceh dan Amanah Bayaran Elaun Ketua Kampung yang berkurangan sejumlah RM17.55 juta.

a) Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ditubuhkan dengan tujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyelenggaraan jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian penyelenggaraan jalan raya berjumlah RM249.60 juta di mana telah dibelanjakan sejumlah RM202.05 juta. Jumlah penerimaan penyelenggaraan jalan raya telah meningkat sejumlah RM75.50 juta atau 43.4% berbanding RM174.10 juta pada tahun 2006. Baki pada akhir tahun ini berjumlah RM119.05 juta berbanding RM71.50 juta pada tahun 2006. Jumlah penerimaan dan perbelanjaan bagi tahun 2003 hingga 2007 seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17

**Jumlah Penerimaan, Perbelanjaan Dan Baki Akaun Kumpulan Wang
Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Tahun	Baki Akaun Pada 1 Januari (RM Juta)	Penerimaan Dari Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Akaun Pada 31 Disember (RM Juta)
2003	7.45	152.75	131.13	29.07
2004	29.07	161.51	189.73	0.85
2005	0.85	134.79	135.64	0.00
2006	0.00	174.10	102.60	71.50
2007	71.50	249.60	202.05	119.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.6.3 Akaun Amanah Lain

a) Tabung Amanah Aceh

Tabung Amanah Aceh ini ditubuhkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan untuk tujuan pentadbiran dan pembinaan Sekolah Yayasan Darul Ulum, Jalan Syiah Kuala Aceh, Sumatera, Indonesia dan juga untuk lain-lain bantuan Naggoroe Aceh Darussalam. Pada tahun 2007 baki akaun ini berjumlah RM0.13 juta telah menurun sejumlah RM0.44 juta atau 22.8% berbanding RM0.57 juta pada tahun 2006.

b) Kelas Pengajian Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membiayai Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain yang dianjurkan bersama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Sumber Kewangan adalah dari wang peruntukan Geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20 juta dan lain-lain terimaan berjumlah RM4,919. Perbelanjaan bagi akaun tersebut adalah berjumlah RM14.58 juta. Baki akaun ini telah meningkat sejumlah RM5.55 juta kepada RM4.50 juta pada tahun 2007 berbanding defisit dalam tahun 2006 sejumlah RM1.04 juta.

c) Akaun Amanah Penswastan Projek Hartanah

Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk membiayai perbelanjaan aktiviti dan program Penswastan Hartanah Negeri yang diuruskan oleh Seksyen Penswastan dan Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber Kewangan adalah hasil wang pampasan, sumbangan dan lain-lain bayaran dari syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek penswastan Negeri Selangor. Pada tahun 2007 baki akaun ini telah meningkat sejumlah RM2.74 juta atau 36.8% kepada RM10.19 juta pada tahun 2007 berbanding RM7.45 juta pada tahun 2006.

d) Akaun Amanah Perbelanjaan Pelaksanaan Projek SPEKS

Akaun Amanah Pengurusan SPEKS ditubuhkan dengan tujuan untuk mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan aktiviti berkaitan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri Selangor (SPEKS). Pada tahun 2007 baki akaun ini menurun sejumlah RM0.20 juta menjadi RM0.89 juta berbanding RM1.09 juta pada tahun 2006.

e) Akaun Amanah Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor

Akaun Amanah ini diwujudkan untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan semua program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena Sambutan Hari/ Minggu Wanita di Negeri Selangor. Akaun ini juga bertujuan untuk membiayai pembelian hadiah bagi anugerah kepada tokoh wanita dan pertandingan yang diadakan semasa Sambutan Hari/ Minggu Wanita peringkat Negeri Selangor. Sumber kewangan untuk akaun ini adalah daripada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, sumbangan Jabatan, Agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri serta derma atau sumbangan lain bagi tujuan Sambutan Hari/ Minggu Wanita. Akaun Amanah ini diselenggara oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2007 tidak ada dana dikreditkan kepada Akaun Amanah ini manakala perbelanjaan hanya berjumlah RM33,210. Baki Akaun Amanah ini berjumlah RM22,190 pada akhir tahun 2007 berbanding RM55,400 pada tahun 2006, iaitu menurun sejumlah RM33,210 atau 59.9% .

f) Akaun Amanah Perkuburan

Akaun Amanah ini diwujudkan untuk membolehkan Kerajaan Negeri menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 500 ekar. Caruman perkuburan dikutip oleh semua Pejabat Daerah Dan Tanah. Pihak urusetia Akaun Amanah ini ialah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor. Pada akhir tahun 2007, caruman perkuburan yang diterima berjumlah RM1.10 juta manakala tidak ada perbelanjaan dilakukan. Baki akaun ini pada akhir tahun 2007 berjumlah RM10.52 juta berbanding RM9.42 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM1.10 juta atau 11.7%.

4.6.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2007, baki deposit mengalami peningkatan sejumlah RM41.76 juta atau 47.5% menjadi RM129.75 juta berbanding RM87.99 juta pada tahun 2006. Analisis Audit mendapati peningkatan deposit antaranya melibatkan Akaun Cagaran, Akaun Deposit Lelong, Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dan Akaun Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan berjumlah RM42.19 juta. Sementara itu, penurunan yang ketara ialah Akaun Deposit Cukai Hiburan berjumlah RM0.44 juta disebabkan oleh pengurangan kadar duti hiburan daripada 25%

kepada 5% ke atas kutipan hasil duti hiburan pementasan artis luar negara dan pementasan artis tempatan selaras dengan arahan.


Kedudukan akaun deposit bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 seperti di **Jadual 18**. Baki deposit bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Carta 5**.

Jadual 18
Kedudukan Baki Deposit Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Deposit	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	84.25	106.22	21.97	26.1
2.	Deposit Pelarasan	3.74	23.53	19.79	529.1
Baki Pada 31 Disember		87.99	129.75	41.76	47.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Carta 5
Baki Deposit Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, jualan aset, modal dan lain-lain terimaan amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran pinjaman dan lain-lain bayaran amanah. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM1.62 bilion terdiri daripada terimaan hasil, terimaan modal dan terimaan amanah. Sejumlah RM1.42 bilion telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman. Pada akhir tahun 2007, baki wang tunai bertambah sejumlah RM205.90 juta atau 36.1% menjadi RM776.44 juta berbanding RM570.54 juta pada tahun 2006.

4.7.2 Pada tahun 2007 aliran masuk Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM376.97 juta atau 30.2% menjadi RM1.62 bilion berbanding RM1.25 bilion pada tahun 2006. Aliran masuk yang tertinggi adalah daripada terimaan hasil bukan cukai sejumlah RM559.82 juta disebabkan antara lain pemberian bantuan geran bagi membantu bayaran kenaikan gaji dan elaun penjawat awam. Selain itu, jumlah lain-lain terimaan amanah yang berjumlah RM319.93 juta telah ditunjukkan sebagai angka bersih selepas ditolak dengan butiran lain-lain bayaran amanah. Butiran aliran masuk tunai Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Terimaan Wang Tunai Kerajaan Negeri Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Terimaan	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	452.16	446.05	(6.11)	(1.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	494.72	559.82	65.10	13.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	213.33	279.23	65.90	30.9
4.	Terimaan Balik Pinjaman Pelbagai Terimaan Modal Dan Jualan Aset	7.19	18.73	11.54	160.5
5.	Lain-lain Terimaan Amanah	79.39	319.93	240.54	303.0
Jumlah		1,246.79	1,623.76	376.97	30.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.7.3 Aliran keluar tunai pada tahun 2007 telah meningkat sejumlah RM326 juta atau 29.9% menjadi RM1.42 bilion berbanding RM1.09 bilion pada tahun 2006. Aliran keluar tertinggi adalah perbelanjaan pembangunan berjumlah RM625.55 juta atau 44.1%

daripada keseluruhan aliran keluar tunai berjumlah RM1.42 bilion. Jumlah ini juga termasuk RM1.25 juta yang terdiri daripada bayaran pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Aliran keluar tunai Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbelanjaan Mengurus	547.69	601.97	54.28	9.9
2.	Perbelanjaan Pembangunan	465.19	625.55	160.36	34.5
3.	Perbelanjaan Modal	79.00	189.10	110.10	139.4
4.	Bayaran Pinjaman	0.00	1.25	1.25	100.0
Jumlah		1,091.88	1,417.87	325.99	29.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8 PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset melaporkan Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti melaporkan Penyata Hutang Awam iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM588.83 juta iaitu peningkatan sejumlah RM141.80 juta atau 31.7% berbanding RM447.03 juta pada tahun 2006. Peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah kerana pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pinjaman baru berjumlah RM80 juta kepada Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn. Bhd. (PIYS) untuk tujuan pembayaran kepada kontraktor dan arkitek bagi membina dan menyiapkan Kampus Induk Universiti Industri Selangor (UNISEL) serta pembekalan peralatan dan lain-lain kerja. Faedah yang dikenakan kepada pinjaman sedia ada berjumlah RM3.40 juta juga menyebabkan peningkatan ini. Selain itu, peningkatan ini disebabkan tunggakan hasil penjualan saham SOPIC kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berjumlah RM22 juta telah diubah sebagai pinjaman. Tunggakan kutipan ansuran bayaran balik projek Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) yang dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sejumlah RM236.22 juta juga diambil kira sebagai pinjaman mulai tahun 2007. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut bagi tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Peminjam	Baki Hutang				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Badan Berkanun						
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	117.01	117.01	117.01	114.01	48.49
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	58.22	57.51	57.78	63.06	78.22
3.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00	236.22
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3.13	2.50	2.00	15.60	14.11
2.	Majlis Perbandaran Kajang	0.00	0.00	5.00	15.00	15.00
3.	Majlis Perbandaran Selayang	0.00	0.00	0.00	10.02	15.96
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	0.00	0.00	0.00	3.02	3.02
Badan-Badan Lain						
1.	Syarikat Stadium Shah Alam	2.00	2.00	2.00	2.00	0.00
2.	Yayasan Selangor	30.45	29.81	30.21	30.51	30.71
3.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	102.50	92.75	117.64	118.44	21.80
4.	Amanah Saham Selangor	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
5.	Kolej Islam Darul Ehsan	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00
6.	Kolej INPENS	0.00	17.00	17.00	17.00	17.00
7.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	0.00	0.00	30.00	31.20	2.13
8.	PKPS Landskaping Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.30	0.30
9.	Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad	0.00	0.00	0.00	1.00	0.00
10.	Pendidikan Industri YS Sendirian Berhad (PIYS)	0.00	0.00	0.00	0.00	81.87
11.	UNISEL (<i>diklasifikasikan di bawah Pinjaman PIYS</i>)	0.00	0.00	0.00	1.87	0.00
Jumlah		337.31	342.58	402.64	447.03	588.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Sehingga 31 Disember 2007, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM63.27 juta untuk bayaran balik pinjaman. Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan 2 urus niaga bagi perbelanjaan projek pembangunan untuk dikontra dengan Pinjaman Boleh Dituntut. Pinjaman PKNS telah dikontra dengan perbelanjaan pembangunan membina Kompleks Riyadh Fanil Islam dan Taman Awam di Seksyen 10, Shah Alam berjumlah RM38.58 juta. Manakala Pinjaman PKPS telah dikontra dengan projek Pengindahan Bukit SUK, Seksyen 5, Shah Alam berjumlah RM6.82 juta. Kedua-dua urus niaga kontra tersebut berjumlah RM45.40 juta telah dicaj ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad berjumlah RM94.08 juta telah dikontra dengan saham syarikat tersebut. Pinjaman Syarikat Stadium Shah Alam dan SSIC Berhad sejumlah RM3 juta pula telah dihapusira dalam tahun 2007. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri telah menanggungkan bayaran tunggakan pinjaman PKNS berjumlah RM18.50 juta kerana masalah aliran wang tunai berikutan dengan sumbangan agensi tersebut kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM40 juta pada tahun 2006. Maklumat tunggakan, bayaran dan penyelesaian pinjaman seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Tunggakan, Bayaran Dan Penyelesaian Pinjaman Bagi Tahun 2007

Bil.	Agensi	Tunggakan Sehingga Tahun 2006 (RM Juta)	Hutang Matang/ Faedah (RM Juta)	Penyelesaian Pinjaman		Tunggakan	
				Bayaran (RM Juta)	Kontra/ Hapuskira (RM Juta)	Tertanggung (RM Juta)	Sehingga Tahun 2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	84.01	0.00	26.93	38.58	18.50	0.00
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	58.05	2.49	1.50	6.82	0.00	52.22
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0.00	1.68	1.68	0.00	0.00	0.00
4.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	118.44	0.60	3.16	94.08	0.00	21.80
5.	Yayasan Selangor	14.03	4.28	0.00	0.00	0.00	18.31
6.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	31.20	0.93	30.00	0.00	0.00	2.13
7.	Kolej Islam Darul Ehsan	0.40	0.40	0.00	0.00	0.00	0.80
8.	Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd.	0.00	2.00	0.00	2.00	0.00	0.00
9.	SSIC Berhad	0.00	1.00	0.00	1.00	0.00	0.00
10.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	0.00	110.59	0.00	0.00	0.00	110.59
Jumlah		306.13	123.97	63.27	142.48	18.50	205.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2007, pelaburan saham berjumlah RM141.48 juta berbanding RM211.56 juta pada tahun 2006. Baki dalam penyata ini telah pun diselaraskan di mana pelaburan yang ditunjukkan dalam Penyata Pelaburan tidak lagi diambil kira dalam penyata ini. Di samping itu, Tabung Amanah Saham Selangor Berhad dan Brisdale Holdings Berhad telah diambil kira sebagai saham Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan diselesaikan dengan saham KDEB. Saham Permodalan Selangor Bhd. yang dipegang oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) telah diambil kira di bawah Perbadanan Menteri Besar (MBI) kerana SSI telah menyerahkan saham tersebut kepada MBI. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Perbadanan/Syarikat	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Perbadanan Menteri Besar						
1.	Permodalan Negeri Selangor Bhd.	9.00	9.00	9.00	9.00	24.00
2.	Tabung Amanah Saham Selangor Bhd.	2.00	2.00	2.00	2.00	0.00
3.	Brisdale Holdings Berhad	80.56	80.56	80.56	80.56	0.00
4.	Kumpulan Peransang Selangor Bhd.	82.63	82.63	82.63	82.63	0.00
5.	Kumpulan Darul Ehsan Bhd.	12.50	12.50	12.50	12.50	104.06
6.	Pendidikan Industri Yayasan Selangor Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.64
7.	Bandar Pelabuhan Klang	0.00	0.00	0.00	0.00	11.68
8.	Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.50
9.	Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.60
Jumlah		186.69	186.69	186.69	186.69	141.48
Perbadanan Setiausaha Kerajaan						
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	24.00	24.00	24.00	24.00	0.00
Jumlah		24.00	24.00	24.00	24.00	0.00
Syarikat						
1.	Rashid Hussain Aset Management Sdn. Bhd.	0.33	0.34	0.36	0.37	0.00
2.	PERNAS (Atas Nama PKNS)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.00
Jumlah		0.83	0.84	0.86	0.87	0.00
Jumlah Besar		211.52	211.53	211.55	211.56	141.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.3 Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM1,039.56 juta berbanding RM1,040.51 juta pada tahun 2006, iaitu menurun sejumlah RM0.95 juta atau 0.1%. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang sejumlah RM0.95 juta bagi menjelaskan sebahagian daripada pinjaman Projek Ladang Hutan. Manakala tiada sebarang bayaran balik bagi pinjaman lain dibuat sungguhpun baki hutang yang sepatutnya dibayar balik dalam tahun 2007 berjumlah RM96.68 juta. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman telah meningkat menjadi RM491.51 juta pada tahun 2007. Analisis Hutang Awam Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Hutang Awam Kerajaan Negeri

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Projek Bekalan Air	756.56	756.56	0.00
2.	Rumah Awam Kos Rendah Dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan	242.76	242.76	0.00
3.	Projek Ladang Hutan	17.40	16.45	(0.95)
4.	Pinjaman Pelbagai	23.79	23.79	0.00
Jumlah		1,040.51	1,039.56	(0.95)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Baki terkumpul pinjaman untuk keseluruhan projek pembangunan negeri adalah berjumlah RM1,039.56 juta seperti di **Jadual 25**. Perbandingan baki pinjaman mengikut projek bagi tempoh 2003 hingga 2007 seperti di **Carta 6**.


Jadual 25
Hutang Awam Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hutang	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air	771.62	756.56	756.56	756.56	756.56
2.	Rumah Awam Kos Rendah Dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan	243.12	243.12	243.12	242.76	242.76
3.	Projek Ladang Hutan	17.23	17.23	17.83	17.40	16.45
4.	Pinjaman Pelbagai	23.79	23.79	23.79	23.79	23.79
Jumlah		1,055.76	1,040.70	1,041.30	1,040.51	1,039.56

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Carta 6

Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007 Mengikut Projek



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.4 Tunggakan Hasil

Pada tahun 2007, tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi 123 pemungut berjumlah RM670.57 juta. Tunggakan hasil tersebut telah menurun sejumlah RM132.21 juta atau 16.5% berbanding RM802.78 juta pada tahun 2006. Tunggakan hasil tahun 2007 berbanding tahun 2006 seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26

Perbandingan Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	778.21	655.19	(123.02)	(15.8)
2.	Lain-lain Hasil	24.57	15.38	(9.19)	(37.4)
Jumlah		802.78	670.57	(132.21)	(16.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Penurunan jumlah tunggakan hasil ini disebabkan penurunan tunggakan Cukai Tanah sejumlah RM123.02 juta atau 15.8% iaitu daripada RM778.21 juta pada tahun 2006 berbanding RM655.19 juta pada tahun 2007. Penurunan tunggakan Lain-lain Hasil turut menyumbang kepada penurunan tunggakan hasil iaitu sejumlah RM9.19 juta atau 37.4% iaitu daripada RM24.57 juta pada tahun 2006 berbanding RM15.38 juta pada

tahun 2007. Penurunan ini adalah disebabkan tunggakan hutang penjualan saham Selangor Oil Palm Industries Corporation (SOPIC) telah diubah menjadi pinjaman.

Butiran tunggakan cukai tanah semasa berbanding tahun lepas seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Daerah
Dan Tanah Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Petaling	334.80	178.43	(156.37)	(46.7)
2.	Klang	174.06	192.90	18.84	10.8
3.	Gombak	127.04	120.58	(6.46)	(5.1)
4.	Hulu Selangor	84.21	91.70	7.49	8.9
5.	Hulu Langat	37.70	41.97	4.27	11.3
6.	Kuala Selangor	7.33	14.35	7.02	95.8
7.	Sepang	2.19	8.11	5.92	270.3
8.	Kuala Langat	8.56	5.29	(3.27)	(38.2)
9.	Sabak Bernam	2.32	1.86	(0.46)	(19.8)
Jumlah		778.21	655.19	(123.02)	(15.8)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Pejabat Daerah Dan Tanah Klang merupakan pejabat pemungut yang mengalami peningkatan tunggakan hasil tertinggi sejumlah RM18.84 juta berbanding daerah lain. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling menunjukkan penurunan tunggakan tertinggi sejumlah RM156.37 juta. Pada keseluruhannya, tunggakan cukai tanah telah menurun disebabkan pelbagai usaha bersepadu yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Hasil Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri untuk mengatasi masalah tunggakan hasil. Antaranya adalah seperti pembersihan data Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT), kerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengesan syarikat yang tidak dapat dihubungi dan tindakan menghapus kira tunggakan yang bermasalah.


Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 28** dan **Carta 7**.

Jadual 28
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	349.72	465.49	535.74	778.21	655.19
2.	Lain-lain Hasil	6.39	28.08	42.85	24.57	15.38
3.	Hasil Hutan	0.15	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		356.26	493.57	578.59	802.78	670.57

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Carta 7
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 adalah baik. Pada tahun 2007, aset Kerajaan Negeri dalam bentuk wang tunai dan pelaburan telah bertambah dari RM991.75 juta pada akhir tahun 2006 kepada RM1.39 bilion pada akhir tahun 2007 iaitu peningkatan 39.8%. Bagaimanapun, Agensi Negeri pula masih belum membayar balik pinjaman yang telah matang berjumlah RM205.85 juta. Bagaimanapun, tunggakan hasil Kerajaan Negeri telah berkurangan daripada RM802.78 juta pada tahun 2006 kepada RM670.57 juta pada tahun 2007. Kerajaan Negeri disyorkan untuk terus berusaha mengutip tunggakan ini dan mengekalkan amalan perbelanjaan berhemat serta penyediaan bajet berimbang. Kerajaan Negeri juga hendaklah membuat bayaran pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual.

BAHAGIAN III RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK-9)

6.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Selangor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program, dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Selangor. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Misi Nasional yang digubal oleh Kerajaan Pusat bagi tujuan merealisasikan Wawasan 2020.

6.2 Bagi menjayakan RMK-9 sejumlah siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM2.70 bilion. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 jabatan. Pada tahun 2007 jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM677.48 juta. Tiga daripada 10 jabatan yang menerima peruntukan yang tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM207.54 juta atau 30.6%, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM175.94 juta atau 25.9% dan Jabatan Agama Islam Selangor berjumlah RM96 juta atau 14.2%.

6.2.1 Pada tahun 2007 sebanyak 923 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 10 Jabatan/Agensi. Semakan Audit menunjukkan terdapat 5 jabatan yang mempunyai 404 projek yang telah siap, 5 jabatan yang mempunyai 79 projek sedang dilaksanakan, 2 jabatan yang mempunyai 11 projek telah mendahului jadual, 6 jabatan yang mempunyai 289 projek mengikut jadual dan 3 jabatan yang mempunyai 14 projek lewat jadual. Pada keseluruhannya sebanyak 797 projek atau 86.3% daripada 923 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Status pelaksanaan projek seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Status Pelaksanaan Projek RMK-9

Bil.	Status Projek	Bilangan	Jabatan/Agensi Terlibat	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	404	5	43.8
2.	Projek Sedang Dilaksanakan	79	5	8.5
3.	Projek Mendahului Jadual	11	2	1.2
4.	Projek Mengikut Jadual	289	6	31.3
5.	Projek Lewat Jadual	14	3	1.5
6.	Projek Belum Mula	126	6	13.7
Jumlah		923		100

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

6.2.2 Secara keseluruhannya kebanyakan jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan 90% dan lebih. Satu jabatan telah membelanjakan keseluruhan peruntukannya, tujuh jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 90%, dua jabatan telah mencapai 86.6% hingga 88%, dua jabatan telah mencapai 60.1% hingga 79.7%. Sejumlah RM625.54 juta atau 92.3% daripada RM677.48 juta telah dibelanjakan oleh 10 jabatan setakat 31 Disember 2007. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9
Sehingga 31 Disember 2007

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	1.10	1.10	100.0
2.	Perbendaharaan Negeri (Projek Am)	50.00	49.92	99.8
3.	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	207.54	205.95	99.2
4.	Jabatan Perhutanan	5.36	5.30	98.9
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	50.00	49.34	98.7
6.	Jabatan Kerja Raya	175.94	172.91	98.3
7.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	6.47	6.08	94.0
8.	Perbendaharaan Negeri (Luar Jangka)	66.00	60.87	92.2
9.	Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)	1.00	0.88	88.0
10.	Jabatan Pertanian	16.00	13.85	86.6
11.	Jabatan Kehakiman Syariah	2.07	1.65	79.7
12.	Jabatan Agama Islam Selangor	96.00	57.69	60.1
Jumlah		677.48	625.54	92.3

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

6.2.3 Pada tahun 2007 sejumlah RM677.48 juta telah diluluskan bagi tujuan projek pembangunan negeri. Sejumlah 797 projek daripada 923 projek yang dirancang telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 404 projek telah disiapkan sepenuhnya, 79 projek sedang dilaksanakan, 11 projek mendahului jadual, 14 projek melewati jadual, 289 projek mengikut jadual dan 126 projek masih belum dimulakan. Analisis prestasi pembangunan projek adalah seperti berikut:

- a)** Sebanyak 79 projek atau 8.5% masih lagi dalam perancangan/pelaksanaan iaitu 29 projek di bawah peruntukan Jabatan Agama Islam Selangor, 37 projek di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran, 9 projek di bawah Jabatan Kerja Raya, 3 projek di bawah Jabatan Perhutanan Selangor dan satu projek di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara projek yang terlibat adalah pembinaan Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS) Fasa 2 bernilai RM20 juta, menaiktaraf

Jalan Monford (B9) Dari Persimpangan Politeknik Shah Alam Ke Jalan Masuk TUDM bernilai RM46.65 juta, membina Jalan Bangi ke Kisda dengan kos RM52 juta dan penubuhan Hutan Lipur di bawah Program Perhutanan Masyarakat bernilai RM0.2 juta.

- b) Bagi projek lewat jadual, ianya terdiri daripada satu projek di bawah Jabatan Agama Islam Selangor iaitu pembinaan Masjid Taman Melawati bernilai RM4 juta, 9 projek di bawah Jabatan Kerja Raya antaranya projek membina Jalan Sambungan B18/B290 Fasa III dan menaiktaraf Jalan Klang Lama masing-masing dengan kos berjumlah RM19.65 juta dan RM19 juta serta 4 projek di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu antaranya pembinaan Bangunan Tambahan Pejabat Daerah Hulu Selangor bernilai RM3.28 juta dan Dewan Orang Ramai/Serbaguna Sg. Burong bernilai RM0.37 juta.
- c) Bagi 126 projek yang belum mula iaitu 72 projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya, 38 projek di bawah peruntukan Jabatan Perhutanan Selangor, 6 projek di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran, 4 projek masing-masing di bawah Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Pertanian Selangor dan 2 projek di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara projek yang terlibat adalah pembinaan masjid, menaiktaraf jalan, mengorek sungai, pembangunan Taman Agroteknologi dan dua projek ditangguhkan iaitu pembinaan Pintu Gerbang Antara KLIA Dengan Sempadan Negeri Selangor dan pembinaan Kuarters Kakitangan Daerah Hulu Selangor.
- d) Sebanyak 404 projek atau 43.8% telah siap dilaksanakan pada tahun 2007. Antara projek tersebut ialah menaiktaraf Jalan Batu 12 hingga Batu 16 Puchong bernilai RM27.09 juta, membina Jalan Dual Carriageway Di Jalan Kebun Nenas Dari Bulatan Bukit Kamuning Hingga Taman Sentosa bernilai RM12.21 juta, Pusat Pertumbuhan Bagan Terap (Fasa B) bernilai RM2.8 juta dan pembinaan Galeri Di Raja bernilai RM5 juta. Prestasi pelaksanaan projek RMK-9 seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Maksud Pembangunan	Sedang Dilaksanakan	Dahulu Jadual	Lewat Jadual	Ikut Jadual	Belum Mula	Siap Sebenar	Jumlah
1.	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1	2	4	4	2	11	24
2.	Perbendaharaan Negeri (Projek Am)	-	-	-	-	-	-	-
3.	Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)	-	-	-	-	-	-	-
4.	Jabatan Pertanian Selangor	-	-	-	43	4	1	48
5.	Jabatan Perhutanan Selangor	3	-	-	-	38	-	41
6.	Jabatan Kerja Raya	9	9	9	45	72	196	340
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	37	-	-	137	6	149	329
8.	Jabatan Agama Islam Selangor	29	-	1	46	4	47	127
9.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	-	-	-	-	-	-	-
10.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	-	-	-	14	-	-	14
11.	Jabatan Kehakiman Syariah	-	-	-	-	-	-	-
12.	Perbendaharaan Negeri (Luar Jangka)	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah		79	11	14	289	126	404	923

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi Negeri

6.2.4 Rumusan

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan RMK-9 adalah baik di mana 404 projek atau 43.8% daripada 923 projek yang dirancang telah dapat dilaksanakan. Pelaksanaan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Selangor.

BAHAGIAN IV PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan,

pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Agama Islam Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Pejabat Daerah Dan Tanah Klang, Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

9.3 Pemeriksaan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006 dan 2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

10. PENEMUAN AUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 10 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Agama Islam Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Pejabat Daerah Dan Tanah Klang, Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut 9 jenis kawalan yang berkaitan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri.

- i)** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii)** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii)** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv)** Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi

membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap Pusat Tanggung Jawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan

Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada pengurusan atasan/Lembaga Pengarah, melaksanakan kerja pengauditan mengikut perancangan dan laporan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Darul Ehsan Bilangan 1 Tahun 2006 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2007 Dan 2008). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen Kualiti, semakan Audit juga telah dijalankan terhadap pematuan terhadap peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana

pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara seperti berikut:

a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara-perkara seperti berikut:

a) Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum mengesahkan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri sebelum 15 Mac tahun berikutnya.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan, menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai

dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.

- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan di tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Jabatan menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah

dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi Negeri. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

10.9 PENYATA KEWANGAN


Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Pegawai Kewangan Negeri juga mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan 8 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Majlis Agama Islam Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Selayang, Pejabat Daerah Dan Tanah Klang, Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, dan Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling dan Majlis Daerah Hulu Selangor adalah pada tahap

baik dengan diberi penarafan 3 bintang manakala Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Agama Islam Selangor mencapai tahap memuaskan dengan diberi penarafan 2 bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8
Tahap Prestasi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007



Sumber: Rekod Jabatan/Agensi Negeri

12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik dan 2 Jabatan Negeri pada tahap memuaskan. Prestasi Jabatan/Agensi masih boleh dipertingkatkan lagi bagi mencapai tahap sangat baik atau cemerlang sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Selain itu, tindakan *preventive* perlu dilaksanakan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Pihak Audit mengesyorkan Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan menyeluruh terhadap elemen pengurusan kewangan yang dibangkitkan supaya prestasi pengurusan kewangan berada di tahap cemerlang di masa hadapan seperti berikut:

- a) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan seperti Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Jawatankuasa Tadbir Urus berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun diperingkat Jabatan/Agensi perlu membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit secara mendalam dan lebih fokus kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini.
- c) Pegawai Pengawal perlulah memberi tumpuan kepada pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
- d) Pengurusan Sumber Manusia seharusnya memberi peluang latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi setiap pegawai dan kakitangan terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan.
- e) Pengisian perjawatan terutamanya di Unit Audit Dalam (UAD) boleh membantu Jabatan dan Agensi menangani masalah pengurusan kewangan apabila UAD dapat berfungsi dengan baik.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI

PKNS ENGINEERING & CONSTRUCTION BHD.

13. PENDAHULUAN

13.1 Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan. Pada 29 Januari 2004 Yang di-Pertuan Agong telah mengeluarkan perintah kepada Ketua Audit Negara supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

13.2 Mengikut Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), sehingga 31 Disember 2006, PKNS mempunyai pelaburan berjumlah RM350.50 juta dalam 8 anak syarikat. Objektif pelaburan Agensi Negeri adalah untuk mendapatkan pulangan yang munasabah bagi mengekalkan kepentingan kerajaan dalam sektor yang strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Jabatan Audit Negara telah membuat analisis untuk menilai prestasi kewangan syarikat PKNS Engineering & Construction Bhd. (PECB) di mana Agensi Negeri iaitu PKNS mempunyai ekuiti lebih daripada 50%. Pelaburan PKNS dalam PECB adalah bernilai RM10 juta.

14. LATAR BELAKANG

14.1 PECB adalah sebuah syarikat milik penuh PKNS. PECB telah ditubuhkan pada tahun 1980 dan dikenali sebagai PKNS Praton Haus. Pada awal penubuhannya, aktiviti utama PECB ialah mengeluarkan komponen rumah pasangsiap di tapak perumahan PKNS. Pada tahun 1991 nama PKNS Praton Haus telah ditukar kepada PECB dan saham syarikat ini yang bernilai RM10 juta dimiliki sepenuhnya oleh PKNS. Pada 31 Mac 1990, syarikat telah menubuhkan kilang pembuatan atap genting di Salak Tinggi, Sepang. Kilang ini beroperasi bagi mengeluarkan atap genting dengan membawa jenama Estee Tiles. Bagaimanapun pada tahun 2005, kilang Estee Tiles terpaksa ditutup kerana mengalami kerugian. Pada akhir tahun 2005 PECB telah mengambil langkah lain dengan menjadi agen pemasaran atap genting syarikat VTI Vintage Tiles sehingga kini. Pada tahun 1993, PECB telah bergabung dengan syarikat Mega Pascal Bhd. dan menubuhkan P&M Concrete Sdn. Bhd. yang beroperasi mengeluarkan *ready mix concrete*. Pada penghujung tahun 2003, PECB berdepan dengan masalah yang membawa kepada penutupan syarikat

tersebut. PECB mempunyai subsidiari yang dimiliki sepenuhnya iaitu Millenium Joy Corporation (M) Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada tahun 2000. Syarikat tersebut tidak menjalankan operasi semenjak penubuhannya.

14.2 Objektif utama PECB ditubuhkan adalah untuk memberi perkhidmatan yang cekap dalam pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan. Aktiviti utama PECB adalah tertumpu kepada kontrak pembinaan rumah, bangunan komersial, kerja-kerja infrastruktur dan pembinaan loji rawatan kumbahan. Sejak penubuhannya PECB telah menyiapkan sebanyak 106 projek bernilai RM1.27 bilion. Dalam sektor pembinaan rumah, PECB lebih mengkhusus kepada pembinaan rumah teres kos rendah dan sederhana hingga ke pangsapuri. Dalam mengendalikan projek, PECB hanya bertindak sebagai kontraktor utama dan projek yang diperolehi akan diserahkan kepada sub kontraktor yang telah dilantik. Selain dari itu PECB akan melantik perunding bagi kerja-kerja seperti *civil*, *structural*, *quantity survey*, *architectural* dan *landscap*. Projek yang ditauliahkan boleh dikategorikan kepada 2 jenis iaitu projek PKNS dan syarikat bersekutunya serta projek yang diperolehi daripada tender luar. Sebanyak 10 projek bernilai RM196.6 juta telah ditauliahkan kepada PECB bagi tempoh 2005 hingga 2007.

15. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan PECB telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif penubuhannya.

16. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek latar belakang syarikat, tadbir urus korporat, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur, analisis kewangan dan pengurusan kewangan serta operasi/aktiviti syarikat untuk tempoh 2005 hingga 2007.

17. KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan meneliti Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat, Akta Syarikat 1965, Pekeliling Kerajaan yang berkaitan, Akta Cukai Pendapatan 1967, Piawaian *Malaysia Accounting Standard Board* (MASB), minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, fail kesetiausahaan, peraturan kewangan, dan rekod serta dokumen berkaitan pengurusan PECB bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Manakala analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit berakhir pada 31 Disember 2007. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan pemeriksaan fizikal terhadap aset turut dilakukan.

18. PENEMUAN AUDIT

18.1 TADBIR URUS KORPORAT

18.1.1 Lembaga Pengarah

Berdasarkan kepada perenggan 74 Memorandum dan Artikel Penubuhan PECB dan Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk mengurus syarikat dari segi pentadbiran, kewangan, operasi, pemasaran dan undang-undang syarikat. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah telah menyediakan struktur organisasi yang jelas sejajar dengan hala tuju syarikat.

a) Keanggotaan Lembaga Pengarah

Seksyen 122, Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada 2 orang. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah syarikat mempunyai 5 keahlian yang dipengerusikan oleh seorang ahli perniagaan. Manakala 3 orang daripada Ahli Lembaga Pengarah adalah wakil dari syarikat induk PKNS dan seorang lagi ialah wakil dari pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

b) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diadakan dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan terkini syarikat dan pada masa yang sama mendapat pandangan serta nasihat Ahli Lembaga Pengarah ke arah peningkatan dan pencapaian syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 2 hingga 3 kali setahun bagi tempoh 2005 sehingga tahun 2007. Berdasarkan penelitian ke atas minit mesyuarat, pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga telah dijalankan dengan teratur dan keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik. Ini dapat dilihat melalui agenda yang dibincangkan dan kesinambungan perkara yang dibangkitkan serta tindakan susulan yang diambil. Semua perkara yang dibincangkan adalah berkaitan hala tuju PECB. Selain itu, kehadiran Ahli Lembaga Pengarah juga adalah memuaskan.

18.1.2 Setiausaha Syarikat

Selaras dengan kehendak Seksyen 139(1), 139A dan 139B, Akta Syarikat 1965 menetapkan setiap syarikat hendaklah melantik Setiausaha Syarikat yang terdiri daripada ahli badan profesional yang berlesen. Jawatan Setiausaha Syarikat telah diisi oleh kakitangan dalaman dan beliau juga adalah Ketua Bahagian Kewangan dan Pentadbiran. Pihak Audit mendapati pelantikan beliau telah dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat PECB adalah baik.

18.2 PERANCANGAN STRATEGIK

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan semua syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk dan hendaklah selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Rancangan korporat tidak boleh hanya berasaskan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat yang mencatatkan bidang aktiviti yang lebih luas daripada objektif sebenar penubuhan syarikat. Perancangan strategik perlu dibuat dengan mengenal pasti misi, objektif dan strategi serta diikuti dengan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (*SWOT Analysis*). Semakan Audit mendapati PECB telah menyediakan rancangan korporatnya bagi tempoh 2008 hingga 2012 yang mengandungi visi, misi, nilai korporat, analisis persekitaran perniagaan, petunjuk prestasi, strategi, inisiatif syarikat dan projek yang sedang dilaksanakan dan dirancang.

Pada pendapat Audit, PECB telah menyediakan perancangan korporat dengan lengkap selaras dengan objektif penubuhannya.

18.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bagi mencapai objektif dan misinya, sesebuah organisasi hendaklah mempunyai sumber tenaga manusia yang mencukupi, berkecekapan dan berpengalaman supaya dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan berkesan. Pihak pengurusan syarikat beranggapan anggota syarikat merupakan aset utama dalam menentukan kejayaan syarikat.

18.3.1 Perjawatan

Sehingga bulan Disember 2007, PECB mempunyai seramai 53 orang kakitangan yang terdiri dari kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan. Kumpulan pengurusan dan profesional seramai 33 orang terdiri dari seorang Pengurus Besar, seorang Pengurus Kanan, 2 orang Pengurus, seorang Penolong Pengurus, seorang Akauntan, 4 orang Jurutera, 3 orang Juru Ukur Bahan dan 20 orang Eksekutif. Manakala kumpulan sokongan seramai 20 orang terdiri dari 5 orang Kerani Kanan, 11 orang Kerani, 3 orang Pemandu dan seorang Pelayan Pejabat. Semakan Audit mendapati semua perjawatan yang dilulus telah diisi. Kedudukan perjawatan mengikut kumpulan seperti di **Jadual 33**. Manakala pengisian perjawatan mengikut bahagian seperti di **Jadual 34**.

Jadual 33
Kedudukan Jawatan Yang Diisi dan Dilulus
Mengikut Perjawatan Sehingga Disember 2007

Bil.	Jawatan	Dilulus dan Diisi
1	Pengurusan Dan Profesional	
	Pengurus Besar	1
	Pengurus kanan	1
	Pengurus	2
	Penolong Pengurus	1
	Akauntan	1
	Jurutera	4
	Juru Ukur Bahan	3
	Eksekutif	20
2.	Sokongan	
	Kerani Kanan	5
	Kerani	11
	Pemandu	3
	Pelayan Pejabat	1
Jumlah		53

Sumber: Rekod PECB

Jadual 34
Kedudukan Pengisian Perjawatan
Mengikut Bahagian Sehingga Disember 2007

Bil.	Bahagian	Bilangan Kakitangan
1.	Pejabat Pengurus Besar	1
2.	Kontrak/Pembangunan	14
3.	Pembinaan	20
4.	Pentadbiran/Kewangan	18
Jumlah		53

Sumber: Rekod PECB

18.3.2 Kelayakan Akademik

Pegawai dan kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman tinggi adalah penting untuk membantu membawa pulangan yang tinggi dan keuntungan yang besar kepada syarikat. Semakan Audit mendapati penempatan pegawai dan kakitangan di setiap bahagian adalah berdasarkan kepada kelayakan, kepakaran dan pengalaman. Analisis Audit terhadap setiap kakitangan di PECB mendapati kesemua 53 pegawai dan kakitangan terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan berpengalaman seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Kelayakan Akademik Yang Dimiliki Oleh
Kakitangan PECB Sehingga Disember 2007

Bil.	Kelayakan Akademik	Bilangan Kakitangan
1.	Jurutera Profesional	4
2.	Sarjana	8
3.	Diploma	3
4.	SPM	15
5.	SRP/PMR	18
6.	Darjah 6	5
Jumlah		53

Sumber: Rekod PECB

18.3.3 Kemudahan Kepada Kakitangan

PECB telah menyediakan skim perkhidmatan bagi menguruskan hal berkaitan perkhidmatan kakitangan. Skim perkhidmatan ini mengandungi syarat perlantikan, gaji permulaan yang ditawarkan, waktu kerja, bayaran kerja lebih masa, kenaikan pangkat, cuti yang dibenarkan, elaun perumahan dan juga faedah yang akan diterima semasa persaraan dan lain-lain kemudahan. Semakan Audit mendapati skim perkhidmatan ini telah digunakan semenjak Januari 2001. Perbandingan gaji dan elaun antara syarikat subsidiari yang mempunyai aktiviti yang sama dengan PECB iaitu syarikat PKNS Infra Sdn. Bhd. dan Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. mendapati hanya kakitangan PECB yang diberikan kemudahan elaun perumahan. Kadar elaun perumahan yang diperolehi bagi kakitangan PECB adalah antara RM80 hingga RM2,500 sebulan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Kadar Elaun Perumahan Mengikut Jawatan

Bil.	Jawatan	Kadar Elaun Perumahan (RM)
1.	Ahli Lembaga Pengarah	2,500
2.	Pengurus Besar	2,200
3.	Pengurusan	700 hingga 1,700
4.	Eksekutif	250 hingga 600
5.	Bukan Eksekutif	80 hingga 140

18.3.4 Latihan dan Kursus

Latihan merupakan elemen pengurusan sumber manusia yang penting bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kemajuan kerjaya, produktiviti dan kualiti kerja.

PECB ada menyediakan program latihan tahunan bagi kakitangannya. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, PECB telah membelanjakan sejumlah RM0.89 juta untuk memberi latihan kepada kakitangannya. PECB telah menetapkan bahawa setiap kakitangan dikehendaki menghadiri kursus sekurang-kurangnya 3 hari setahun. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 27 kursus/ latihan/ seminar yang dihadiri oleh semua peringkat anggota PECB. Pemantauan juga dibuat bagi mengenal pasti kakitangan yang telah menghadiri kursus mengikut bilangan hari yang ditetapkan. Walaupun banyak kursus yang berkaitan dengan pentadbiran dan teknikal diberikan kepada kakitangan, pihak PECB kurang memberi penekanan kepada kursus yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Dari tahun 2005 hingga 2007 hanya satu kursus kewangan yang telah dihadiri oleh kakitangan PECB.

Pada pendapat Audit, sumber manusia di PECB telah diuruskan dengan baik.

18.4 PENGURUSAN OPERASI

18.4.1 Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan syarikat dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan syarikat dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi kawalan bajet, hasil, belanja, aset dan pelaburan.

a) Kawalan Bajet

Semakan Audit mendapati PECB telah menyediakan bajet setiap tahun berdasarkan perbelanjaan sebenar tahun kewangan sebelumnya serta jangkaan yang telah dibuat bagi tahun berikutnya. Bajet bagi tahun 2005 hingga 2007 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pencapaian sebenar bagi pendapatan dan perbelanjaan berbanding anggaran bagi tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 37** dan **Jadual 38**.

Jadual 37
Pencapaian Pendapatan Sebenar Berbanding Anggaran
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Anggaran Pendapatan	Pendapatan Sebenar	Lebih/(kurang) Daripada Anggaran	Peratus Pencapaian
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2005	123.40	91.34	(32.06)	74.0
2006	98.66	53.75	(44.91)	54.5
2007	94.28	69.85	(24.43)	74.1

Sumber: Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Tahun 2005 hingga 2007

Jadual 38
Pencapaian Perbelanjaan Sebenar Berbanding Anggaran
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Anggaran Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RMJuta)	Lebih/(kurang) Daripada Anggaran (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
2005	122.34	93.12	(29.22)	76.1
2006	95.74	53.37	(42.37)	55.7
2007	93.36	67.77	(25.59)	72.6

Sumber: Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Tahun 2005 hingga 2007

Pendapatan PECB adalah terdiri dari keuntungan kontrak pembinaan rumah, premis perniagaan, pembinaan loji rawatan kumbahan, kontrak pembangunan, jualan atap genting, jualan bangunan, sewa premis dan faedah atas pelaburan. Berdasarkan **Jadual 37** di atas, bagi tahun 2005 hingga 2007 jumlah pendapatan tahunan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Peratus pencapaian tertinggi adalah sebanyak 74.1% iaitu pada tahun 2007. Manakala pencapaian terendah telah dicatat pada tahun 2006 sebanyak 54.5%.

Perbelanjaan utama PECB adalah melibatkan kos pembinaan oleh sub kontraktor, kos perunding dan perbelanjaan tapak. Analisis Audit mendapati pencapaian perbelanjaan sebenar tahun 2005 hingga 2007 adalah di antara 55.7% hingga 76.1% berbanding anggaran.

b) Kawalan Hasil

Hasil yang diterima oleh PECB berjumlah RM69.85 juta sehingga bulan Disember 2007. Sumber hasil yang diperolehi PECB antara lain adalah terimaan daripada kontrak pembinaan, penjualan atap genting, penjualan hartanah serta lain-lain pendapatan. PECB menggunakan sistem perakaunan secara berkomputer untuk merekod hasil dalam lejar dan buku tunai. Resit rasmi untuk perakuan terimaan hasil melalui tunai atau cek juga direkod secara berkomputer.

c) Kawalan Perbelanjaan

Perbelanjaan PECB sehingga 31 Disember 2007 adalah berjumlah RM67.77 juta terutamanya terdiri dari bayaran kepada sub kontraktor, perbelanjaan kos operasi dan pembelian aset. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan PECB mendapati perkara berikut:

i) Kuasa Melulus Pembayaran

Kuasa meluluskan bayaran hanya diberikan kepada Pengurus Besar dan Pengurus Kanan. Semakan Audit mendapati penurunan kuasa secara bertulis atas nama pegawai bertanggungjawab untuk melulus baucar bayaran

tidak dilaksanakan. Bagaimanapun semua baucar bayaran akan disemak oleh Pegawai Kewangan dan Pengurus Kewangan sebelum cek ditandatangani.

ii) Kuasa Menandatangani Cek

PECB menetapkan kuasa menandatangani cek bagi jumlah yang kurang daripada RM300,000 terdiri daripada 2 orang yang mana seorang daripadanya adalah Pengurus Besar atau Akauntan Syarikat bersama dengan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah yang telah dilantik. Manakala cek yang melebihi jumlah RM300,000 hendaklah ditandatangani oleh 3 orang yang mana seorang daripadanya adalah Pengurus Besar atau Akauntan Syarikat bersama dengan 2 orang Ahli Lembaga Pengarah.

iii) Daftar Bil

Daftar Bil tidak diselenggarakan untuk merekod semua bil yang diterima dan memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Bil yang diterima akan diberikan kepada Pengurus Besar atau Pengurus Kanan untuk kelulusan. Kemudian bil tersebut akan dihantar ke Bahagian Kewangan untuk dikunci masuk bagi penyediaan baucar bayaran.

iv) Panjar Wang Runcit

Panjar Wang Runcit diselenggara oleh seorang Pegawai Akaun. Semakan Audit terhadap bayaran runcit mendapati perbelanjaan runcit telah disokong dengan bil/resit dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab serta diluluskan oleh Ketua Bahagian.

v) Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan bayaran bonus oleh Syarikat Kerajaan. Peraturan berkenaan menetapkan bayaran bonus bagi Syarikat Subsidiari perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, pembayaran bonus hendaklah mengambil kira keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah (tidak termasuk keuntungan luar biasa melainkan dalam keadaan tertentu yang akan diputuskan oleh Menteri Besar). Semakan Audit mendapati pembayaran bonus hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PECB dan tiada bukti kelulusan diperolehi daripada Lembaga Pengarah Syarikat Induk.

vi) Tanggungan Luar Jangka

PECB menghadapi tanggungan luar jangka bagi 2 writ saman yang diterima daripada sub kontraktor. Saman pertama adalah dari syarikat MHES Sdn. Bhd. yang menjalankan kerja-kerja di kolam oksidasi Seksyen 23, Shah Alam. Pada tahun 2005 MHES Sdn. Bhd. telah membeli kelengkapan dalam mata wang US dolar bagi melaksanakan kerja. Akibat daripada kenaikan kadar tukaran US

dolar dari RM2.5 kepada RM3.85, MHES telah mengalami kerugian sehingga RM4.9 juta. Pada tahun 2007, MHES membuat tuntutan sejumlah RM3.43 juta iaitu 70% di atas kerugian. Pada 14 September 2007, PECB telah membuat pembelaan tuntutan balas yang mengatakan bahawa kontrak tersebut adalah bersandarkan subkontrak bukan perjanjian usahasama dan dengan itu nisbah keuntungan 70:30 adalah tidak relevan. Kes ini sedang menanti tarikh yang akan ditetapkan oleh mahkamah untuk pentadbiran kes.

Saman kedua pada bulan Februari 2007 adalah dari syarikat Metro Luxury berjumlah RM11.5 juta yang mendakwa pihak PECB menyalah tamat kontrak syarikat bagi pembinaan 1,160 unit rumah pangsapuri 6 tingkat di Seksyen 7, Shah Alam. PECB dalam pernyataan pembelaan dan tuntutan balas menegaskan syarikat Metro Luxury telah melanggar syarat-syarat dalam perjanjian. Kes ini juga sedang menanti tarikh yang akan ditetapkan oleh mahkamah untuk pentadbiran kes. Pihak Audit berpendapat PECB berdepan dengan risiko kewangan sekiranya bagi kedua-dua kes di atas, keputusan mahkamah tidak memihak kepadanya.

vii) Penutupan Kilang Estee Tiles

Pada tahun 1990, Kilang Estee Tiles ditubuhkan beroperasi untuk membuat atap genting. Pada awal penubuhannya kilang tersebut telah menyumbang kepada pendapatan syarikat. Bagaimanapun, semenjak tahun 1998 kilang tersebut telah mengalami kerugian kerana prestasi pengeluaran yang merosot dan kos penyenggaraan mesin dan bahan mentah yang tinggi. Pada akhir tahun 2005, PECB telah mengambil keputusan untuk menutup kilang Estee Tiles dan kos penamatan 25 orang pekerja di kilang adalah sejumlah RM0.85 juta. Kerugian kilang pada tahun 2005 adalah sejumlah RM3.08 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM 7.25 juta. Semakan Audit mendapati pada tahun 1997 sehingga tahun 2004, PECB telah mengambil beberapa langkah pemulihan sebelum menutup operasi kilang. Di antara langkah yang telah diambil ialah menggantikan acuan atap genting yang telah pecah serta membuat *semi upgrading* bagi mesin yang telah luput dan tidak berfungsi dengan baik. Pihak Audit berpendapat PECB telah mengambil langkah pemulihan yang sewajarnya sebelum penutupan kilang dilakukan.

viii) Perjanjian Penjualan Atap Genting

Bermula daripada tahun 2005, PECB telah menjalankan aktiviti pemasaran atap genting untuk syarikat Vintage Tiles Industries. PECB mengenakan syarat kepada setiap sub kontraktor yang dilantik membeli atap genting yang dikeluarkannya. Komisen yang diterima adalah 3 sen setiap keping. Komisen yang diterima sehingga akhir tahun 2007 ialah sejumlah RM0.34 juta. Satu perjanjian berkenaan komisen jualan atap genting telah ditandatangani oleh PECB dengan Vintage Tiles Industries (VTI) pada bulan Disember 2005. Di

antara syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut adalah PECB hendaklah membeli 5 juta keping atap genting daripada VTI sebelum 15 Disember 2006, PECB tidak boleh menjual atap genting bagi jenama lain tanpa kebenaran dan PECB tiada hak untuk menamatkan kontrak tanpa kebenaran VTI. Pemeriksaan Audit mendapati PECB tidak dapat mencapai jumlah penjualan atap genting seperti yang ditetapkan dalam perjanjian tersebut. Sehingga akhir tahun 2006 penjualan atap genting hanya mencapai sebanyak 3.29 juta keping. Pihak Audit berpendapat, perjanjian jualan atap genting di antara PECB dan VTI bukan sahaja lebih memihak kepada VTI malah menyebabkan PECB terpaksa terikat dengan syarat penjualan atap yang tidak mampu untuk dilaksanakan oleh syarikat.

d) Pengurusan Aset Tetap Dan Kenderaan

Sehingga 31 Disember 2007, PECB mempunyai aset tetap bernilai RM8.44 juta yang terdiri daripada tanah, bangunan, kilang, kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset tetap mendapati perkara berikut:

i) Daftar Aset Tetap

Semakan Audit mendapati Daftar Aset Tetap telah diselenggara oleh Bahagian Kewangan dan semua aset tetap telah direkod secara *listing* dan mengandungi butiran kos, tarikh pembelian, lokasi aset dan tahun dibeli. Bagaimanapun, didapati nombor siri pendaftaran aset tidak dicatatkan di dalam daftar tersebut bagi memudahkan setiap aset dikesan.

ii) Pemeriksaan Aset Tetap

Semakan Audit mendapati pemeriksaan terhadap aset tetap tidak pernah dijalankan semenjak penubuhan PECB. Bagaimanapun, bagi aset tetap yang tidak disewa seperti kenderaan, pemeriksaan dibuat apabila kenderaan tersebut dihantar untuk penyenggaraan berkala.

iii) Perlindungan Insurans Bangunan

Perlindungan polisi insurans ke atas bangunan bertujuan bagi melindungi aset syarikat dari mengalami kerugian akibat kebakaran, kecurian dan lain-lain risiko. PECB mempunyai 6 buah bangunan termasuk sebuah kilang yang disewakan. Semakan Audit mendapati semua bangunan tersebut tidak mempunyai polisi insurans. Sehingga akhir tahun 2007, PECB mempunyai 4 buah kondominium bernilai RM1.75 juta, sebuah *shoplot* bernilai RM1.67 juta dan sebuah kilang bernilai RM2.71 juta yang tidak diinsuranskan.

iv) Had Kelulusan Perolehan Aset

Pemeriksaan Audit mendapati PECB tidak mempunyai garis panduan bagi menetapkan had kelulusan perolehan bagi setiap aset. Permohonan bagi

setiap perolehan aset terus dikemukakan kepada Pengurus Besar untuk kelulusan. Manakala perolehan kenderaan dan hartanah perlu mendapat kelulusan dari Lembaga Pengarah. Semakan terhadap kenderaan yang dibeli bagi tempoh 2005 hingga 2007 mendapati Lembaga Pengarah telah meluluskan perolehan berkenaan.

v) Penyenggaraan Aset

Semua penyenggaraan dan pembaikan aset telah direkodkan dengan menggunakan Borang Penyenggaraan Kenderaan/Peralatan. Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan penyenggaraan aset telah mendapat kelulusan daripada Pengurus Besar.

vi) Buku Log Kenderaan

Sehingga akhir tahun 2007 syarikat mempunyai 11 buah kenderaan. Semakan terhadap buku log kenderaan berkenaan mendapati butir-butir perjalanan serta nama pegawai yang menggunakan kenderaan telah dicatatkan. Bagaimanapun, jumlah penggunaan minyak tidak dicatatkan ke dalam buku log. Penggunaan minyak hanya akan disemak apabila bil penggunaan minyak diterima pada akhir setiap bulan. Pemeriksaan terperinci hanya akan dijalankan sekiranya terdapat peningkatan yang ketara ke atas penggunaan minyak.

vii) Pelupusan Aset

Semakan Audit mendapati sebanyak 6 buah kenderaan bernilai RM0.66 juta telah dilupuskan bagi tempoh 2005 hingga 2007. Semakan Audit mendapati tindakan pelupusan tersebut telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

e) Kawalan Pelaburan


Perenggan 9 Memorandum Penubuhan Syarikat menyatakan kuasa PECB untuk melabur dalam pasaran kewangan. Sehingga 31 Disember 2007, PECB mempunyai pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM10,000 dan pegangan saham di dalam syarikat subsidiari berjumlah RM2.00. Selain dari itu PECB juga melabur di pasaran kewangan iaitu dalam Dana Mutua MAAKL berjumlah RM3.5 juta. Semakan Audit mendapati semua rekod dan dokumen yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur, lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, pelaburan dalam syarikat subsidiari iaitu Millenium Joy Corporation (M) Sdn. Bhd. tidak menghasilkan pulangan kerana syarikat tidak beroperasi semenjak penubuhannya dan fungsi penubuhan tidak dapat dikenal pasti. Pihak Audit berpendapat tindakan hendaklah diambil untuk menutup operasi dalam syarikat yang tidak aktif. PECB memaklumkan bahawa syarikat ini tidak akan ditutup dan dalam peringkat perancangan untuk memulakan aktiviti *downstream* pembinaan yang baru.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh PECB adalah memuaskan kecuali pengurusan terhadap perbelanjaan, aset tetap dan pelaburan.

18.4.2 Pentadbiran

Struktur organisasi PECB dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu Bahagian Pembinaan, Bahagian Kontrak/ Pembangunan dan Bahagian Kewangan/ Pentadbiran. PECB diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh seorang Pengurus Kanan. Bahagian Pembinaan diketuai oleh seorang Pengurus Pembinaan dan dibantu oleh seorang Penolong Pengurus. Bahagian Kontrak/ Pembangunan pula diketuai oleh Pengurus Kanan PECB. Manakala Bahagian Kewangan dan Pentadbiran diketuai oleh Pengurus Kewangan dan Pentadbiran/ Akauntan yang juga selaku Setiausaha Syarikat. Kedudukan Struktur Organisasi PECB seperti di **Carta 9**.

Carta 9
Struktur Organisasi PECB



Sumber: Rekod PECB

18.5 PENGURUSAN RISIKO

Dalam menguruskan perniagaan, pengurusan syarikat perlu mengetahui keupayaan dan hala tuju syarikat. Untuk itu, pelan pengurusan risiko perlu diwujudkan bagi mengenalpasti risiko yang dihadapi serta mengatur strategi untuk menangani dan mengurangkan kesan terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati unit/pelan pengurusan risiko tidak diwujudkan. Bagaimanapun, syarikat sentiasa menjalankan aktiviti syarikat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat EXCO (*Executive Officer*) dan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu.

18.5.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah PECB telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 hingga 3 kali setahun untuk membincangkan kemajuan kerja projek dan perkembangan syarikat.

18.5.2 Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengurus Besar dan dianggotai oleh semua Ketua Unit. Mesyuarat Pengurusan diadakan setiap 2 minggu dan telah bermesyuarat sebanyak 7 hingga 8 kali setahun bagi tempoh 2005 hingga 2007. Fungsi mesyuarat adalah untuk memantau aktiviti syarikat melalui perbincangan kemajuan kerja, masalah yang dihadapi serta mengenal pasti tindakan pembetulan. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah antara lain mengenai laporan kemajuan kerja, kedudukan kewangan serta pengurusan sumber manusia. Mesyuarat ini juga bertujuan memantau secara bulanan setiap pelaksanaan dan pencapaian projek secara terperinci. Minit Mesyuarat tersebut akan diedarkan kepada Ahli EXCO dan dibincangkan semasa mesyuarat EXCO. Semakan Audit mendapati minit mesyuarat pengurusan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

18.5.3 Mesyuarat EXCO

Mesyuarat ini yang dipengerusikan oleh ketua EXCO yang telah dilantik diadakan pada setiap bulan. Bagi memastikan mesyuarat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, korum mesyuarat tersebut terdiri daripada 3 orang iaitu sekurang-kurangnya 2 ahli EXCO yang dilantik oleh PKNS dan Pengurus Besar Syarikat. Fungsi mesyuarat adalah bertujuan untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat pengurusan yang memerlukan pandangan dan tindakan selanjutnya daripada Ahli EXCO. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, ahli EXCO telah bermesyuarat sebanyak 7 hingga 8 kali.

18.5.4 Jawatankuasa Sebutharga Dan Tender

Pelantikan sub kontraktor di PECB adalah dibuat melalui 3 cara iaitu sebutharga, tawaran dan tender. Sekurang-kurangnya 3 sub kontraktor akan dijemput untuk dipilih bagi kaedah pemilihan sebutharga dan tawaran. Seterusnya pemilihan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Sebutharga. PECB menetapkan Jawatankuasa Sebutharga mestilah terdiri daripada Pengurus Besar dan seorang Pegawai Kanan yang dilantik.

Manakala Jawatankuasa Tawaran hendaklah terdiri daripada 2 orang ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar PKNS dan Pengurus Besar PECB. Jawatankuasa Tender pula terdiri daripada 3 orang ahli, iaitu Pengurus Besar PKNS, Timbalan Pengurus Besar PKNS dan Pengurus Besar PECB. Semakan Audit mendapati PECB telah melantik Ahli Jawatankuasa Sebutharga, Tawaran dan Tender mengikut polisi syarikat yang telah ditetapkan.

18.5.5 Juruaudit Luar

Mengikut Seksyen 169, Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah mengemukakan penyata kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Juruaudit Luar bertauliah untuk diaudit sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Agong Tahunan. Laporan Penyata Kewangan PECB bagi tahun 2005 hingga 2007 telah diaudit oleh Tetuan KPMG dan Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan terhadap penyata kewangan tersebut. Sehingga kini Firma Audit ini masih dilantik sebagai Juruaudit Luar syarikat semenjak penubuhan syarikat pada tahun 1981.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman syarikat adalah memuaskan.

18.6 SISTEM DAN PROSEDUR

Garis panduan serta prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan serta menyeragamkan operasi dan seterusnya mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. PECB telah mendapatkan pengiktirafan kualiti menerusi sijil ISO 9001:2000 pada bulan Julai 2003. Bahagian yang terlibat dengan prosedur ialah Bahagian Pembinaan (17 prosedur), Bahagian Kontrak (10 prosedur), Bahagian Pembangunan (6 Prosedur), Bahagian Pentadbiran (7 prosedur), Bahagian Sistem Pengurusan Kualiti (12 prosedur) dan Bahagian Kewangan (3 prosedur). Semakan Audit terhadap kursus dan latihan, pengambilan kakitangan dan pembayaran kepada sub-kontraktor dan pemiutang mendapati ianya telah mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, sistem dan prosedur setiap bahagian di dalam PECB telah disediakan dengan baik.

18.7 ANALISIS KEWANGAN

18.7.1 Analisis Terhadap Item Signifikan

Analisis terhadap Penyata Kewangan pada tahun 2005 dan 2006 mendapati jumlah pendapatan berkurangan daripada RM91.34 juta pada tahun 2005 kepada RM53.75 juta pada tahun 2006 iaitu penurunan sebanyak 41.2%. Jumlah perbelanjaan juga menurun sebanyak 42.7% daripada RM93.12 juta kepada RM53.37 juta pada tahun 2006. Penurunan pendapatan dan perbelanjaan ini adalah disebabkan pengurangan jumlah projek yang dilaksanakan pada tahun 2006 kerana semua projek baru hanya

dapat dimulakan pada akhir tahun 2006. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan ditunjukkan di **Jadual 39**.

Jadual 39
Jumlah Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2006

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	91.34	53.75	(37.59)	(41.2)
Jumlah Perbelanjaan	93.12	53.37	(39.75)	(42.7)

Sumber: Penyata Kewangan PECB

18.7.2 Analisis Trend


Analisis *trend* bagi tahun 2003 hingga 2007 mendapati jumlah pendapatan telah menurun daripada sejumlah RM105.49 juta pada tahun 2003 kepada RM91.34 juta pada tahun 2005 dan turun secara mendadak kepada RM53.75 juta dan RM69.85 juta pada tahun 2006 dan 2007. Jumlah perbelanjaan juga menurun daripada RM100.40 juta pada tahun 2003 kepada RM67.77 juta pada tahun 2007. Penurunan pendapatan dan perbelanjaan yang ketara berlaku pada tahun 2006 kerana pengurangan projek pembinaan yang dijalankan serta pengurangan kos operasi pengeluaran akibat penutupan kilang pada akhir tahun 2005. PECB telah mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.19 juta pada tahun 2004 dan RM1.78 juta pada tahun 2005. Pada tahun 2003, 2006 dan 2007 PECB telah mendapat keuntungan sejumlah RM5.09 juta, RM0.38 juta dan RM2.08 juta. Walaupun syarikat beroleh keuntungan pada 3 tahun tersebut, jumlah keuntungan yang diperolehi tidak dapat menampung jumlah kerugian yang dialami syarikat pada tahun sebelumnya. Penyata kewangan masih menunjukkan kerugian terkumpul sejumlah RM4.42 juta pada tahun 2007. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 40** dan kedudukan kerugian terkumpul ditunjukkan di **Carta 10**.

Jadual 40
Kedudukan Pendapatan Dan Perbelanjaan PECB
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Butiran	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan					
Hasil Langsung	101.33	100.51	91.18	52.9	67.85
Lain-lain Hasil	4.16	1.03	0.16	0.85	2.00
Jumlah Hasil	105.49	101.54	91.34	53.75	69.85
Perbelanjaan					
Perbelanjaan Langsung	95.21	96.57	87.8	48.7	63.36
Perbelanjaan Tidak Langsung	5.19	5.16	5.32	4.67	4.41
Jumlah Perbelanjaan	100.4	101.73	93.12	53.37	67.77
Keuntungan Sebelum Cukai	5.09	(0.19)	(1.78)	0.38	2.08

Sumber: Penyata Kewangan PECB

Carta 10
Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2003 Hingga 2007



18.7.3 Analisis Aliran Tunai

Sumber tunai adalah terdiri daripada terimaan daripada penghutang perdagangan bagi kontrak pembinaan, komisen penjualan atap genting, terimaan daripada pelupusan harta, sewa bangunan, pinjaman serta faedah daripada pelaburan dan simpanan tetap. Penyata Aliran Tunai Tahunan PECB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 hingga 2007 ditunjukkan seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Penyata Aliran Tunai Tahunan PECB Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Butiran Penyata	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Tunai bersih yang dijanakan daripada Operasi	0.96	(0.27)	1.94	5.91	(2.84)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	0.86	0.90	0.68	(0.83)	2.31
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(1.95)	(0.31)	(0.01)	(0.10)	(0.13)
Pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai	(0.13)	0.32	2.61	4.98	(0.66)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	2.33	2.20	2.52	5.13	10.11
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	2.20	2.52	5.13	10.11	9.45

Sumber: Penyata Kewangan PECB

Analisis Audit terhadap penyata aliran tunai PECB bagi tahun 2003 hingga 2007 mendapati pada tahun 2003 tunai bersih yang dijanakan daripada operasi adalah sejumlah RM0.96 juta. Bagaimanapun, aliran tunai yang dijanakan daripada operasi menurun ke paras negatif iaitu (RM0.27 juta) pada tahun 2004. Aliran tunai dari operasi meningkat semula pada tahun 2005 dan 2006 masing-masing kepada RM1.94 juta dan RM5.91 juta. Pada tahun 2007 tunai bersih yang dijanakan daripada operasi telah menurun semula kepada (RM2.84 juta). Analisis Audit mendapati *trend* aliran tunai yang naik dan menurun secara mendadak menandakan adanya perubahan ketara dalam keupayaan PECB menjanakan tunai yang diperlukan. Selain itu, analisis Audit juga mendapati aliran tunai yang dijana dalam aktiviti pelaburan menunjukkan tunai masuk pada tahun 2003 sehingga 2005 iaitu sejumlah RM0.86 juta, RM0.90 juta dan RM0.68 juta masing-masing. Pada tahun 2006 aktiviti pelaburan menunjukkan tunai keluar sejumlah RM0.83 juta dan telah naik semula kepada RM2.31 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2003, pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai adalah berjumlah (RM0.13 juta) tetapi menunjukkan peningkatan dari tahun 2004 sehingga 2006 iaitu masing-masing berjumlah RM0.32 juta, RM2.61 juta dan RM4.98 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2007 pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai telah menurun kepada (RM0.66 juta). Secara keseluruhannya, kedudukan aliran tunai yang dijanakan oleh syarikat adalah tidak konsisten.

18.7.4 Analisis Ekuiti

Analisis Ekuiti merupakan analisis yang digunakan untuk mengukur leveraj kewangan atau menunjukkan peratusan saham ekuiti dalam Lembaran Imbangan bagi sesebuah syarikat. Nisbah yang boleh digunakan untuk tujuan ini adalah nisbah hutang atas ekuiti dan nisbah aset atas ekuiti. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

a) Nisbah Hutang Atas Ekuiti

Nisbah Hutang Atas Ekuiti untuk mengukur leveraj kewangan syarikat iaitu semakin tinggi nilai nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat tersebut. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati nisbah adalah antara 6.68 hingga 16.06. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya kedudukan leveraj kewangan PECB adalah berisiko tinggi di mana jumlah liabiliti tidak mampu dibiayai oleh ekuiti. Nisbah Hutang Atas Ekuiti ditunjukkan di **Jadual 42**.

Jadual 42
Nisbah Hutang Atas Ekuiti Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Liabiliti	Jumlah Ekuiti	Nisbah Hutang Atas Ekuiti (a/b)
	(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	
2003	52.31	5.1	10.26
2004	46.47	4.9	9.48
2005	50.27	3.13	16.06
2006	38.17	3.51	10.87
2007	37.33	5.59	6.68

Sumber: Penyata Kewangan PECB

b) Nisbah Aset Atas Ekuiti

Nisbah Aset Atas Ekuiti adalah untuk mengukur leveraj kewangan dan kemampuan pembiayaan aset oleh syarikat dalam jangka panjang. Nisbah melebihi 2 menunjukkan syarikat menggunakan lebih hutang berbanding ekuiti untuk membiayai asetnya manakala nisbah kurang daripada 2 menunjukkan syarikat menggunakan kurang hutang untuk membiayai asetnya. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati nisbah adalah di antara 7.46 hingga 17.06. Berdasarkan nisbah ini, kemampuan syarikat untuk membiayai asetnya adalah rendah. Kedudukan Nisbah Aset Atas Ekuiti adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Nisbah Aset Atas Ekuiti Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Aset	Jumlah Ekuiti	Nisbah Aset Atas Ekuiti (a/b)
	(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	
2003	57.40	5.10	11.25
2004	51.37	4.90	10.48
2005	53.39	3.13	17.06
2006	42.92	3.51	12.23
2007	41.68	5.59	7.46

Sumber: Penyata Kewangan PECB

18.7.5 Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis telah dibuat terhadap beberapa butiran di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan. Analisis tersebut meliputi nisbah kecairan, nisbah kestabilan dan nisbah keberuntungan.

a) Nisbah Kecairan

Nisbah Semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kecairan syarikat dan sejauh mana syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut analisis Audit, Nisbah Semasa PECB bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah di antara 1.00:1 hingga 1.11:1 Berdasarkan kepada nisbah ini, PECB kurang berupaya untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Kedudukan Nisbah Semasa seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Aset Semasa	Tanggungan Semasa	Nisbah Semasa
	(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	(a/b)
2003	49.73	49.63	1.00:1
2004	44.64	43.69	1.02:1
2005	48.26	47.02	1.03:1
2006	35.94	35.43	1.01:1
2007	38.32	34.63	1.11:1

Sumber: Penyata Kewangan PECB

b) Nisbah Kestabilan

Nisbah Kestabilan merupakan pendekatan yang digunakan bagi menilai kestabilan PECB iaitu sejauh mana liabiliti perlu ditanggung oleh aset yang dimiliki. Kedudukan nisbah antara liabiliti dan aset pada kadar kurang daripada 0.5 menunjukkan keadaan yang baik. Peratusan nisbah syarikat bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah antara 0.89 hingga 0.94. Nisbah ini menunjukkan jumlah hutang syarikat berbanding aset adalah tinggi. Kedudukan Nisbah Kestabilan adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Nisbah Kestabilan Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Tanggungan	Jumlah Aset	Nisbah Kestabilan
	(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	
2003	52.31	57.4	0.91
2004	46.47	51.37	0.90
2005	50.27	53.39	0.94
2006	38.17	42.92	0.89
2007	37.33	41.68	0.90

Sumber: Penyata Kewangan PECB

c) Nisbah Keberuntungan

Nisbah Keberuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperolehi daripada setiap ringgit hasil yang dipungut. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Bagi setiap ringgit hasil jualan, PECB mendapat margin keuntungan berjumlah 4 sen pada tahun 2003 berbanding dengan kerugian bagi tempoh 2004 sehingga 2005. Pada tahun 2006 dan 2007, margin keuntungan PECB telah meningkat kepada 1 sen dan 3 sen masing-masing. Kedudukan Nisbah Keberuntungan adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Nisbah Keberuntungan Bagi
Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Keuntungan Selepas Cukai	Jumlah Pendapatan	Nisbah Keberuntungan
	(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	
2003	4.45	101.33	0.04
2004	(0.19)	100.51	(0.002)
2005	(1.78)	91.18	(0.02)
2006	0.38	53.75	0.01
2007	2.08	69.85	0.03

Sumber: Penyata Kewangan PECB

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PECB adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, keuntungan semasa syarikat menunjukkan peningkatan yang positif berbanding tahun sebelumnya.

19. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan syarikat PECB adalah memuaskan. Kepimpinan dan komitmen Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan semua kakitangan syarikat mewujudkan satu rangkaian sistem pengurusan yang cekap dan memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai. Bagaimanapun, syarikat hendaklah memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan dengan mengambil inisiatif yang positif untuk mengatasinya agar dapat meningkatkan kecekapan pengurusan. Adalah disyorkan pihak syarikat mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** PECB perlu mengkaji dan mengenal pasti keperluan perundangan bagi setiap aktiviti bagi mengelakkan risiko daripada tindakan undang-undang.
- b)** Mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah syarikat induk bagi pembayaran bonus kepada kakitangan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.
- c)** Memberi perlindungan insurans terhadap bangunan kediaman, premis perniagaan dan kilang bagi menjamin aset syarikat daripada sebarang risiko.
- d)** PECB perlu memperkukuhkan lagi kedudukan kewangannya dengan mendapatkan projek baru selaras dengan perancangan strategik syarikat.

BAHAGIAN VI
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM

20. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpanduan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

21. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Kerajaan Negeri mempunyai 25 Agensi iaitu tujuh Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang, satu Majlis Agama Islam dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, Firma Audit Swasta telah dilantik menjalankan pengauditan Penyata Kewangan bagi 6 Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulan Wang dan sebanyak 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala pengauditan terhadap satu Badan Berkanun Negeri, tiga Kumpulan Wang dan Majlis Agama Islam Selangor masih dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri. Pemantauan terhadap Firma Audit Swasta diadakan dari semasa kesemasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

22. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri, Badan Berkanun berkenaan dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, menghendaki menyediakan Penyata Kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan pada atau sebelum akhir Oktober tahun berikutnya. Penyerahan Penyata Kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk diaudit adalah memuaskan. Semua Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah memberikan komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2006 dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan sehingga 30 Jun 2008 adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Sehingga 30 Jun 2008

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Terima
A.	BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2006	-	2007
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2006	2007	-
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2006	2007	-
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	2006	-	2007
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2006	2007	-
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2006	2007	-
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	2006	-	2007
B.	KUMPULAN WANG			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Silver Jubilee King George V	2006	-	2007
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Instituti Victoria	2006	-	2007
3.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	2006	-	2007
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2006	-	2007
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	2006	-	2007
C.	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR	2006	2007	-
D.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2006	-	2007
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2006	-	2007
3.	Majlis Perbandaran Kajang	2006	-	2007
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2006	-	2007
5.	Majlis Perbandaran Selayang	2006	-	2007
6.	Majlis Perbandaran Klang	2006	-	2007
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2006	-	2007
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2006	-	2007
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2006	-	2007
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	2006	-	2007
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2006	-	2007
12.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2006	-	2007

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

23. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2007 sebanyak 21 Penyata Kewangan tahun 2006, 10 Penyata Kewangan tahun 2005 dan 1 Penyata Kewangan tahun 2004 telah diaudit dan dikeluarkan sijil. Sebanyak 23 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 9 lagi telah memperolehi Sijil Audit Berteguran. Butiran lanjut adalah di **Jadual 48**. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Kumpulan Wang kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan. Antaranya baki siberhutang cukai taksiran di lejar am berbeza dengan senarai individu, aset tetap tidak

disokong dengan senarai harta tetap dan perbelanjaan tidak diakaunkan mengikut asas akruan.

Jadual 48
Pensijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada Tahun 2007

Bil.	Agensi	Tahun Akaun	Jenis Sijil	
			Tanpa Teguran	Berteguran
A.	BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2005 2006	Tanpa Teguran Tanpa Teguran	
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2006	Tanpa Teguran	
3.	Majlis Sukan Negeri Selangor	2005		Berteguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2006		Berteguran
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2006		Berteguran
6.	Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor	2006	Tanpa Teguran	
7.	Lembaga Urus Air Selangor	2004	Tanpa Teguran	
B.	KUMPULAN WANG			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Instituti Victoria	2006	Tanpa Teguran	
2.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	2006	Tanpa Teguran	
3.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	2005	Tanpa Teguran	
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2005 2006	Tanpa Teguran	Berteguran
C.	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR	2005 2006	Tanpa Teguran Tanpa Teguran	
D.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2005 2006	Tanpa Teguran	Berteguran
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2006	Tanpa Teguran	
3.	Majlis Perbandaran Selayang	2006	Tanpa Teguran	
4.	Majlis Perbandaran Kajang	2005 2006	Tanpa Teguran	Berteguran
5.	Majlis Perbandaran Klang	2006	Tanpa Teguran	
6.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2006	Tanpa Teguran	
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2005 2006	Tanpa Teguran Tanpa Teguran	
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2005 2006	Tanpa Teguran Tanpa Teguran	
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2005 2006		Berteguran Berteguran
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2006	Tanpa Teguran	
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2006	Tanpa Teguran	
12.	Majlis Daerah Kuala Langat	2006		Berteguran

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan

24. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agensi Negeri dibentang dalam Dewan Undangan Negeri. Enakmen Penubuhan bagi 6 Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan adalah di **Jadual 49**.

Jadual 49
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri
Sehingga 30 Jun 2008

Bil.	Agensi	Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Dibentangkan
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	
A.	BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2006	19.11.2007	-
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2006	22.05.2007	-
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2006	19.11.2007	-
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	TB	-	-
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	2006	19.11.2007	-
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2005 & 2006	19.11.2007	-
7.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	2006	19.11.2007	-
B.	KUMPULAN WANG			
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Silver Jubilee King George V	TB	-	-
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Instituit Victoria	TB	-	-
3.	Kumpulan Wang Amanah Sir Henry Gurney	TB	-	-
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	TB	-	-
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	TB	-	-
C.	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR	2004,2005&2006	19.11.2007	-
D.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2004 & 2005	19.11.2007	2006
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2004 & 2005	19.11.2007	2006
3.	Majlis Perbandaran Kajang	2004 & 2005	19.11.2007	2006
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2004 & 2005	19.11.2007	2006
5.	Majlis Perbandaran Selayang	2004 & 2005	19.11.2007	2006
6.	Majlis Perbandaran Klang	2004 & 2005	19.11.2007	2006
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2004 & 2005	19.11.2007	2006
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2004 & 2005	19.11.2007	2006
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2004 & 2005	19.11.2007	2006
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	2004 & 2005	19.11.2007	2006
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2004 & 2005	19.11.2007	2006
12.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2004 & 2005	19.11.2007	2006

* TB - Tidak Berkenaan

Sumber: Mesyuarat ADUN

25. PRESTASI KEWANGAN

25.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 menunjukkan 4 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam Selangor dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengakhiri tahun kewangan dengan memperolehi lebih pendapatan berbanding perbelanjaan. Manakala 3 Badan Berkanun Negeri dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami defisit pada tahun 2006 berikutan peningkatan perbelanjaan tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan. Seterusnya prestasi kewangan tahun 2006 menunjukkan keseluruhan 5 Badan Berkanun Negeri, lima Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam Selangor dan 7 Pihak Berkuasa Tempatan memperolehi lebih Aset Semasa yang mengukur keupayaan Agensi dalam memenuhi tuntutan dan tanggungan jangka pendek. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berasaskan Penyata Kewangan bagi tahun adalah seperti di **Jadual 50** dan **Jadual 51**.

Jadual 50
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan
Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
A)	BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	740.74	471.78	268.96	1,508.84	614.15	894.69
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	33.19	68.59	(35.40)	157.88	72.41	85.47
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	19.18	15.07	4.11	1.18	1.48	(0.30)
4.	Majlis Sukan Negeri Selangor	1.19	15.85	(14.66)	23.59	7.80	15.79
5.	Lembaga Muzium Negeri Selangor	11.34	7.53	3.81	3.83	0.72	3.11
6.	Lembaga Urus Air Selangor	1.92	2.24	(0.32)	1.37	3.10	(1.73)
7.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	18.96	16.19	2.77	33.70	22.77	10.93
B)	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR	180.10	161.94	18.16	188.25	39.90	148.35

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Jadual 51
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Nama PBT	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Semasa Bersih (RM Juta)
Majlis Bandaraya Shah Alam	187.40	182.70	4.70	127.43	131.90	(4.47)
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	213.62	201.26	12.36	155.94	87.57	68.37
Majlis Perbandaran Subang Jaya	165.92	184.65	(18.73)	130.90	74.00	56.90
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	101.10	115.74	(14.64)	50.03	38.23	11.80
Majlis Perbandaran Selayang	102.17	112.03	(9.86)	42.79	56.24	(13.45)
Majlis Perbandaran Klang	154.12	167.96	(13.84)	70.83	82.98	(12.15)
Majlis Perbandaran Kajang	91.13	82.42	8.71	138.58	92.90	45.68
Majlis Daerah Sepang	46.34	43.40	2.94	79.05	23.98	55.07
Majlis Daerah Kuala Langat	24.82	22.60	2.22	24.31	14.70	9.61
Majlis Daerah Sabak Bernam	21.57	19.98	1.59	6.87	12.90	(6.03)
Majlis Daerah Hulu Selangor	34.88	45.29	(10.41)	27.60	12.43	15.17
Majlis Daerah Kuala Selangor	18.83	33.85	(15.02)	10.42	14.97	(4.55)

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

25.2 ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pada keseluruhannya, sebanyak 8 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2006 telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran antara 2% hingga 48% berbanding tahun 2005. Bagaimanapun, empat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, mampu mengurangkan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2006 antara 1% hingga 32%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Analisis Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	54.86	51.73	(3.13)	(5.71)
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	37.72	43.12	5.40	14.32
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	61.17	60.16	(1.01)	(1.65)
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	24.16	22.02	(2.14)	(8.86)
5.	Majlis Perbandaran Selayang	18.87	21.32	2.45	12.98
6.	Majlis Perbandaran Klang	41.98	45.79	3.81	9.08
7.	Majlis Perbandaran Kajang	26.39	29.57	3.18	12.05
8.	Majlis Daerah Sepang	23.91	16.21	(7.70)	(32.20)
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	3.92	5.81	1.89	48.21
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	1.29	1.33	0.04	3.10
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	34.18	37.01	2.83	8.28
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	15.20	15.53	0.33	2.17
Jumlah		343.65	349.60	5.95	1.73

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

BAHAGIAN VII
TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

26. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 7 Jabatan dan Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006.

27. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

27.1 PERBENDAHARAAN NEGERI

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.2.1(a)	Penyerahan Akaun Tunai Bulanan 32 Pemungut Hasil lewat menghantar 128 Akaun Tunai Bulanan antara 1 hingga 11 bulan kepada Perbendaharaan Negeri.	25 Pemungut Hasil lewat menghantar 96 Akaun Tunai Bulanan antara 1 hingga 12 bulan kepada Perbendaharaan Negeri.	Perbendaharaan Negeri perlu meneruskan usaha memantau penghantaran Akaun Tunai Bulanan.
10.2.3	Pengesahan Laporan Hasil Bulanan Pada tahun 2006, terdapat 10 Pejabat Pemungut masih belum menghantar Penyata Penyesuaian Hasil untuk 2 hingga 12 bulan.	Pada tahun 2007 terdapat 8 Pejabat Pemungut masih belum menghantar Penyata Penyesuaian untuk 3 hingga 12 bulan.	Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan menghantar surat peringatan.
10.2.5(a)	Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Terimaan Terdapat 7 Akaun Terimaan, untuk Akaun Terimaan Utama penyerahan setakat bulan Januari hingga Februari 2006. Manakala 6 Akaun Terimaan yang lain terdapat 70 Penyata Penyesuaian Bank yang lewat diserahkan antara 2 minggu hingga melebihi 6 bulan.	Akaun Terimaan Utama telah diserahkan setakat bulan September 2006. Manakala 6 Akaun Terimaan yang lain masih terdapat 70 Penyata Penyesuaian Bank lewat diserahkan antara 2 minggu hingga kurang 6 bulan.	Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan Utama dan 6 Akaun Terimaan Lain masih tidak memuaskan.
10.2.5(b)	Urusniaga Belum Dilaraskan Urusniaga yang belum dilaras setakat bulan Disember 2006 antara tempoh 6 bulan hingga 3 tahun berjumlah RM1,086.33 juta.	Urusniaga yang belum dilaras setakat bulan Disember 2007 antara tempoh 6 bulan hingga 3 tahun berjumlah RM278.29 juta.	Tindakan penyelarasan adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit								
10.3.3(b)(i)	Penyata Penyesuaian Bank Bayaran Penyata Penyesuaian Bank bagi Akaun Pemindahan Dana secara elektronik tidak dikemukakan. Kelewatan mengemukakan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Utama Bayaran.	Penyata penyesuaian dikemukakan tetapi terdapat kelewatan mengemukakan penyata tersebut. Kelewatan masih berlaku.	Penyata-penyata perlu dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Penyata-penyata perlu dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.								
10.3.3(b)(ii)	Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Penyata Penyesuaian Bank Akaun Utama mengandungi urus niaga melebihi 6 bulan sehingga 3 tahun yang belum dilaraskan.	Penyata Penyesuaian Bank Akaun Utama masih mengandungi urus niaga melebihi 6 bulan sehingga 3 tahun yang belum dilaraskan.	Perbendaharaan perlu menyemak rekod-rekod dan membuat pelarasan yang sewajarnya.								
10.3.3(c)	Pengesahan Perbelanjaan 12 PTJ tidak mengemukakan Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian.	15 PTJ tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan antara 3 hingga 12 bulan pada tahun 2007.	Pihak Perbendaharaan sepatutnya mengarahkan PTJ mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.								
10.3.3(e)	Kawalan Cek Batal Tidak ada penyata penyesuaian disediakan untuk menerangkan perbezaan antara Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dengan baki Senarai Pembatalan Cek.	Penyata Penyesuaian yang disediakan tidak dapat mengenal pasti perbezaan sejumlah RM101.78 juta antara akaun penyelesaian cek terbatal dengan baki senarai pembatalan cek. <table><tr><td></td><td>RM Juta</td></tr><tr><td>Baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal</td><td>134.42</td></tr><tr><td>Senarai Cek Terbatal</td><td>32.64</td></tr><tr><td>Perbezaan yang tidak dikenal pasti</td><td><u>101.78</u></td></tr></table>		RM Juta	Baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	134.42	Senarai Cek Terbatal	32.64	Perbezaan yang tidak dikenal pasti	<u>101.78</u>	Perbendaharaan perlu mengesahkan ketepatan baki akaun penyelesaian cek terbatal dan senarai pembatalan cek. Melaraskan butiran yang tidak sepatutnya diambil kira dalam akaun tersebut.
	RM Juta										
Baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	134.42										
Senarai Cek Terbatal	32.64										
Perbezaan yang tidak dikenal pasti	<u>101.78</u>										
10.3.3(e)(i)	Cek terbatal sejumlah RM12.53 juta tidak sepatutnya diakaunkan di bawah Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.	Pelarasan masih belum dibuat.	Perbendaharaan perlu membuat pelarasan yang sewajarnya.								
10.3.3(e)(ii)	Cek luput berjumlah RM91.55 juta yang dikeluarkan pada tahun 2004 masih belum dilaraskan kepada akaun penyelesaian cek terbatal.	Cek ini telah pun dilaraskan pada bulan Oktober 2007.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.								
10.3.3(g)	Pembayaran Secara Tunai Perbendaharaan Negeri didapati tidak menyediakan sebuah daftar bagi merekodkan bayaran secara tunai.	Daftar tersebut masih belum disediakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri.	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi.								

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.4.1(a)	Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan Baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada Disember 2006 berjumlah RM1,040.51 juta. Pinjaman adalah bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Pembentungan Najis dan Pembangunan Hutan. Tiada pinjaman baru pada tahun 2006.	Baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada Disember 2007 berjumlah RM1,039.56 juta.	Bayaran balik hutang Kerajaan adalah memuaskan.
10.4.1(b)	Tiada kutipan ansuran bayaran balik pinjaman Rumah Awam Kos Rendah pada tahun 2006 daripada LPHS.	Tindakan kutipan ansuran bayaran balik pinjaman belum dibuat.	Kutipan ansuran perlulah dilakukan mengikut jadual bayaran balik.
10.4.1(c)	Bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2006 adalah berjumlah RM394.83 juta dan Kerajaan Negeri hanya menjelaskan sejumlah RM0.79 juta untuk Ladang Hutan dan Rumah Awam Kos Rendah. Tiada sebarang bayaran balik bagi pinjaman lain walaupun peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM15 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat menjadi RM394.83 juta.	Tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2007 adalah berjumlah RM491.51 juta dan Kerajaan Negeri hanya menjelaskan sejumlah RM0.95 juta untuk Ladang Hutan. Tiada sebarang bayaran balik bagi pinjaman lain walaupun peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM23.6 juta.	Kerajaan Negeri perlu meningkatkan usaha untuk menjelaskan bayaran.
10.4.2(a)	Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain menunjukkan baki defisit berjumlah RM32.73 juta. Keadaan ini berlaku disebabkan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan sejumlah RM40.31 juta dari Kumpulan Wang tersebut untuk pembiayaan 8 pinjaman baru dan 1 ansuran pinjaman.	Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain mempunyai lebih sebanyak RM90.25 juta.	Tindakan telah diambil adalah memuaskan.
10.4.2(b)	Sehingga akhir tahun 2006, perjanjian pinjaman kepada Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd., Tabung Amanah Saham Selangor Berhad, Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan Institut Perindustrian Negeri Selangor masih belum disediakan. Perkara yang sama telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.	Pinjaman Tabung Amanah Saham Selangor Berhad dalam proses penyediaan perjanjian. Perjanjian tambahan pinjaman KDEB pula telah ditandatangani pada 12 November 2007 dan perjanjian pinjaman Institut Perindustrian Negeri Selangor di dalam proses semakan semula. Pinjaman kepada Syarikat Stadium Shah Alam Sdn. Bhd. telah dihapuskan pada 9 Ogos 2007 melalui Mesyuarat Jawatankuasa tetap Kewangan Bil. 1 Tahun 2007.	Tindakan telah diambil sewajarnya.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.4.2(c)	Tunggak bayaran balik pinjaman belum dijelaskan oleh 6 Agensi berjumlah RM306.13 juta. Sebahagian besar tunggakan tersebut adalah daripada Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor yang masing-masingnya berjumlah RM118.44juta, RM84.01 juta, dan RM58.06 juta.	Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri menerima pembayaran balik berjumlah RM205.75 juta. Sebahagian besar bayaran tersebut dibuat oleh KDEB berjumlah RM97.24 juta, PKNS berjumlah RM65.52 juta, PKNS berjumlah RM8.32 juta dan PNSB berjumlah RM30 juta.	Tindakan telah diambil untuk mendapatkan bayaran balik.
10.5.2(b)	Pelaburan bernilai RM15.15 juta tidak disokong dengan sijil pelaburan.	Pelaburan bernilai RM15.05 juta telah dijual oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan tetapi hasil belum diterima seperti mana yang dinyatakan dalam nota kepada akaun manakala pelaburan sejumlah RM0.1 juta telah pun dihapuskan dalam tahun 2007.	Kerajaan Negeri hendaklah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan hasil jualan saham tersebut.
10.5.2(c)	Perbendaharaan Negeri tidak mengemas kini daftar bagi pelaburan saham.	Daftar pelaburan saham telah pun dikemas kini.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
10.6.1(a)	Kumpulan Wang Pembangunan Jumlah pembayaran daripada Kumpulan Wang Pembangunan termasuk sejumlah RM5 juta pinjaman yang diberi kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Pinjaman tersebut telah diambil kira sebagai Perbelanjaan Pembangunan Langsung kerana Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain berbaki defisit berjumlah RM32.73 juta.	Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor masih lagi diambil kira sebagai Perbelanjaan Pembangunan Langsung.	Tindakan sewajarnya perlu diambil supaya pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor diambil kira sebagai pinjaman dan bukan sebagai Perbelanjaan Pembangunan Langsung.
10.6.1(b)	Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Baki pinjaman yang boleh dituntut pada tahun 2006 berjumlah RM77.33 juta berbeza sejumlah RM40.27 juta dengan Senarai baki Individu yang berjumlah RM 117.60 juta.	Baki pinjaman yang boleh dituntut pada tahun 2007 berjumlah RM75.83 berbeza sejumlah RM27.81 juta dengan Senarai Baki Individu yang berjumlah RM103.64. Perbezaan tersebut menyusut sebanyak RM12.46 juta berbanding RM40.27 juta pada tahun 2006.	Penyata penyesuaian hendaklah disediakan terhadap perbezaan tersebut.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.6.1(c)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan pada tahun 2006 berjumlah RM4.07 juta, baki pinjaman boleh dituntut berjumlah RM2.73 juta manakala jumlah di Senarai Baki Individu berjumlah RM2.80 juta. Perbezaan berjumlah RM66,969. Perbezaan lain disebabkan Senarai Baki Individu tidak mengandungi butiran hutang Jabatan Bekalan Air. Tiada penyata penyesuaian dibuat untuk menyelaraskan perbezaan tersebut.	Baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan pada tahun 2007 berjumlah RM4.46 juta, baki pinjaman boleh dituntut berjumlah RM2.34 juta manakala jumlah di Senarai Baki Individu berjumlah RM2.52 juta. Terdapat perbezaan sejumlah RM185,088. Antara sebab perbezaan Senarai Baki Individu tidak mengandungi kakitangan Jabatan Bekalan Air. Faedah Atas Pinjaman Kenderaan yang diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan berbeza dengan faedah di Senarai Baki Individu sejumlah RM85,642. Tiada penyata penyesuaian dibuat untuk menyelaraskan perbezaan tersebut.	Penyata penyesuaian bagi menyelaraskan perbezaan tersebut perlulah disediakan.
10.6.1(d)	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer Baki pinjaman komputer di Penyata Kewangan pada tahun 2006 berjumlah RM0.52 juta tetapi berbeza dengan Senarai Baki Individu yang berjumlah RM0.43 juta. Penyata Penyesuaian tidak disediakan bagi menyelaraskan perbezaan ini. Faedah bagi pinjaman komputer berjumlah RM23,998.00 dalam Akaun Hasil Disatukan berbeza dengan Senarai Baki Individu berjumlah RM20,605.	Baki pinjaman komputer di Penyata Kewangan tahun 2007 berjumlah RM0.80 juta tetapi berbeza dengan Senarai Baki Individu yang berjumlah RM0.40 juta. Penyata Penyesuaian masih tidak disediakan bagi menyelaraskan perbezaan ini. Faedah bagi pinjaman komputer berjumlah RM24,859.85 dalam akaun Hasil Disatukan berbeza dengan Senarai Baki Individu berjumlah RM18,038.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan. Tindakan hendaklah diambil dengan segera untuk menyelaraskan perbezaan ini. Tindakan yang diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.6.1(e)	Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Dan Pelbagai Sebanyak 63 Pendahuluan Diri bagi tempoh 1975 hingga 2006 berjumlah RM0.56 juta. Jabatan yang belum menjelaskan Pendahuluan Diri tersebut ialah Jabatan Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perhutanan. Sebanyak 22 Pendahuluan Pelbagai bagi tempoh 1996 hingga 2006 berjumlah RM1.69 juta masih belum diselesaikan. Jabatan terlibat ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam.	Sebanyak 54 Pendahuluan Diri bagi tempoh 1975 hingga 2007 berjumlah RM0.39 juta. Jabatan yang masih belum menjelaskan Pendahuluan Diri tersebut ialah Jabatan Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan, Pejabat Daerah Petaling, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Daerah Sepang dan Pejabat Pengelola Bijaya Diraja. Sebanyak 16 Pendahuluan Pelbagai bagi tempoh 1996 hingga 2007 berjumlah RM0.72 juta masih belum diselesaikan. Jabatan terlibat ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam dan Pejabat Pengelola Bijaya Diraja.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan. Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
10.6.1(g)	Tabung Bencana Khas Tabung tidak menerima caruman dalam tahun 2006, manakala RM0.56 juta dibelanjakan menjadi defisit berjumlah RM0.37 juta. Penyata Penyesuaian tidak disediakan untuk menerangkan perbezaan baki lejer dengan rekod Perbendaharaan.	Tabung menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta pada 04 Julai 2007 – baki di Perbendaharaan pada 31 Disember 2007 RM0.49 juta. Penyata Penyesuaian tidak disediakan untuk menerangkan perbezaan baki PTJ dengan rekod Perbendaharaan.	PTJ sepatutnya sentiasa mengawal akaun amanah di bawah kawalan dimana setiap akhir bulan mesti disemak dan diselaraskan dengan Perbendaharaan Negeri dan menyediakan Penyata Penyesuaian jika berbeza.
10.6.2	Kumpulan Wang Amanah Awam		
10.6.2(a)	Penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahunan 3 pejabat bagi 4 Akaun Amanah berbaki RM11.48 juta tidak mengemukakan Penyata Tahunan walaupun beberapa peringatan telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.	Pada tahun 2007, 9 PTJ bagi 29 Akaun Amanah berjumlah RM133.84 juta tidak mengemukakan Penyata Tahunan walaupun peringatan telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.	Perbendaharaan Negeri hendaklah memantau dan memberi panduan untuk menyelenggara akaun amanah.
10.6.2(b)	Pengesahan Laporan Bulanan Akaun Amanah 4 penyata akaun amanah tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian untuk menerangkan perbezaan baki antara pemegang akaun dengan Perbendaharaan.	Penyata Penyesuaian untuk menerangkan perbezaan bagi 10 akaun amanah tidak dikemukakan.	Tindakan sewajarnya perlu dibuat dengan segera.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
10.6.2(c)	Akaun Amanah Lebih Dikeluarkan 3 Akaun Amanah terlebih dikeluarkan berjumlah RM1.07 juta. Dana Lebihan Perbelanjaan ditampung daripada Kumpulan Wang Disatukan.	3 Akaun Amanah bagi tahun 2007 berjumlah RM9.17 juta terlebih dikeluarkan.	Tidak boleh mengenakan perbelanjaan daripada akaun amanah jika telah lebih dikeluarkan kerana arahan amanah tidak membenarkan setiap akaun terlebih dikeluarkan.
10.6.2(d)	Akaun Amanah Tidak Aktif 5 Akaun Amanah berbaki RM1.53 juta tidak aktif 3 hingga 13 tahun.	5 Akaun Amanah berjumlah RM7,063.43 debit tidak aktif 2 hingga 5 tahun.	Akaun yang tidak aktif perlu dikaji semula. Sekiranya telah mencapai tujuan, akaun ini hendaklah ditutup dan baki dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.
10.6.3(a)	DEPOSIT Penyerahan Penyata Deposit 79 penyata baki deposit berjumlah RM82.3 juta tidak diserahkan kepada Jabatan Audit Negara.	33 Penyata Deposit berjumlah RM78.11 juta tidak dikemukakan untuk diaudit.	Perbendaharaan Negeri hendaklah memantau dan memberi panduan untuk menyelenggara akaun deposit.
10.6.3(b)	Penyediaan Senarai Baki Individu 15 penyata berjumlah RM1.49 juta tidak mengandungi senarai baki individu.	8 Penyata Deposit tidak mengemukakan senarai baki individu berjumlah RM13.84 juta.	PTJ berkenaan perlu menyiasat dan menyediakan senarai baki individu.
10.6.3(c)	Penyediaan Penyata Penyesuaian 5 PTJ tidak menyediakan Penyata Penyesuaian untuk menjelaskan perbezaan RM4.47 juta antara PTJ dengan rekod Perbendaharaan.	10 PTJ tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian untuk menjelaskan perbezaan berjumlah RM5.42 juta antara PTJ dengan Perbendaharaan.	Perbendaharaan hendaklah memantau dan memberi panduan untuk menyelenggara akaun deposit.
10.6.3(d)	Akaun Deposit Yang Terlebih Dikeluarkan 4 Jabatan terlebih mengeluarkan akaun deposit berjumlah RM0.26 juta.	3 PTJ terlebih mengeluarkan akaun deposit berjumlah RM53,105.	Semak terhadap rekod-rekod di PTJ dan di Perbendaharaan perlu dibuat.

27.2 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
20.4.2(a)	Akaun Deposit Akaun deposit tidak diselenggarakan dengan teratur. Selain daripada penyata bank yang menunjukkan baki deposit pada 31 Mac 2006 berjumlah RM18,993, tiada rekod lain seperti daftar deposit dan rekod subsidiari diselenggarakan.	Satu jawatankuasa siasatan telah dilantik pada 15 Januari 2007. Tindakan penyelesaian masih diteruskan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
20.5	PENGURUSAN ASET Penyelenggaraan Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori adalah tidak lengkap dan kemas kini. Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori. Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Buku Log Kenderaan telah dikemas kini. Pegawai Pemeriksa telah dilantik dan pemeriksaan fizikal telah dijadualkan untuk dilaksanakan pada bulan Julai 2008.	Tindakan yang diambil terhadap pendaftaran aset adalah memuaskan. Pemeriksaan fizikal hendaklah dijalankan.

27.3 PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
15.1	KAWALAN PENGURUSAN		
15.1(a)	Manual Prosedur Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak disediakan mengikut pekeliling yang ditetapkan.	Tindakan mengemas kini MPK untuk setiap bahagian telah dibuat dengan teratur.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan.
15.1(b)	Fail Meja Fail Meja tidak kemas kini.	Fail Meja kakitangan telah dikemas kini dengan teratur.	Tindakan yang telah diambil memuaskan.
15.1(c)	JPKA JPKA ada ditubuhkan. Kekerapan mesyuarat tidak mengikut kehendak pekeliling.	Mesyuarat telah diadakan mengikut kehendak pekeliling iaitu 4 kali setahun.	Tindakan yang telah diambil memuaskan.
15.3	KAWALAN PERBELANJAAN		
15.3(a)	Daftar Bil Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Daftar Bil SPEKS telah dilaksanakan dengan lengkap dan kemas kini.	Tindakan yang diambil didapati memuaskan.
5.4	PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
5.4(b)	Akaun Amanah Perkuburan Penyata Penyesuaian Akaun Amanah Perkuburan tidak disediakan.	Tindakan penyediaan Penyata Penyesuaian Akaun Amanah Perkuburan telah dibuat dengan kemas kini.	Tindakan yang diambil didapati memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
5.4(c)	Deposit Pelbagai Deposit yang diterima dari tahun 1986 hingga 1988 tidak diwartakan.	Tindakan mewartakan telah diambil.	Tindakan yang diambil didapati memuaskan.
15.5	PENGURUSAN ASET		
15.5(a)	Daftar Harta Modal Dan Inventori Daftar Harta Modal dan Inventori tidak kemas kini.	Tindakan mengemas kini telah dibuat dengan serta-merta.	Tindakan telah diambil serta merta dan didapati memuaskan.
15.5(b)	Pemeriksaan Fizikal Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan Inventori.	Tindakan pemeriksaan aset telah dibuat dengan segera.	Tindakan telah dibuat dengan memuaskan.
15.5(d)	Verifikasi Stok Verifikasi stok tidak dibuat sepertimana arahan pekeliling.	Tindakan verifikasi stok telah dibuat.	Tindakan telah dibuat dengan memuaskan.
15.5(g)	Buku Log Kenderaan Buku log kenderaan tidak kemas kini.	Tindakan mengemaskinikan cerakinan dan buku log telah diambil.	Tindakan telah dibuat dengan memuaskan.

27.4 PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA SELANGOR

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
15.1	KAWALAN PENGURUSAN		
15.1(b)	Manual Prosedur Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak lengkap dan tidak kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.1(d)	Fail Meja Fail Meja tidak lengkap dan tidak kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.1(e)	JPKA Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.	Telah ditubuhkan.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.1(f)	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.	Telah bermesyuarat 3 bulan sekali.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.3	KAWALAN PERBELANJAAN		
15.3(d)	Maklumat di pesanan kerajaan tidak lengkap.	Telah lengkap.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.5	PENGURUSAN ASET		
15.5(a)	Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
15.5(b)	Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori.	Pemeriksaan telah dijalankan.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.5(g)	Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Masih tidak lengkap. Ruangan tandatangan pegawai melulus dan mengguna tidak ditandatangani.	Tindakan susulan perlu dibuat dengan segera.
15.5(h)	Aset usang tidak diambil tindakan pelupusan. Pelupusan aset tidak disegerakan.	Dalam pelaksanaan mengikut Pekeliling Bil. 5 Tahun 2007. Dalam pelaksanaan mengikut Pekeliling Bil. 5 Tahun 2007.	Tindakan susulan perlu dibuat dengan segera. Tindakan susulan.
15.4	PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
15.4(a)	Tabung Bencana Khas Buku tunai tidak dikemas kini dan penyata penyesuaian bank tidak disediakan.	Buku tunai tidak dikemas kini dan penyata penyesuaian bank tidak disediakan sejak Disember 2007.	Tindakan susulan perlu dibuat dengan segera.
15.4(b)	Akaun Amanah Perkuburan Penyata Penyesuaian tidak dihantar kepada pihak urus setia akaun amanah.	Penyata Penyesuaian telah dihantar kepada pihak yang berkenaan.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
15.4(c)	Deposit Pelbagai Deposit yang diterima dari tahun 1964 hingga 1997 oleh Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang tidak dituntut masih belum dipindah ke akaun hasil kerana belum diwartakan.	Deposit berkenaan masih belum dipindah ke akaun hasil kerana belum diwartakan.	Tindakan susulan perlu dibuat dengan segera.

27.5 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
20.1	KAWALAN PENGURUSAN		
20.1(b)	Manual Prosedur Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak lengkap dan tidak kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.1(d)	Fail Meja Fail Meja tidak lengkap dan tidak kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.1(e)	JPKA Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.	Telah ditubuhkan.	Tindakan telah diambil sewajarnya
20.1(f)	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.	Telah bermesyuarat 3 bulan sekali.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.3	KAWALAN PERBELANJAAN		
20.3(a)	Transaksi di Buku Vot tidak ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.	Telah ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.3(b)	Buku Vot tidak disemak oleh pegawai penyelia.	Telah disemak oleh pegawai penyelia.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.3(g)	Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai kanan.	Telah diperiksa oleh pegawai kanan.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.4.1(a)	Tabung Bencana Khas Buku Tunai dan Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan bagi Tabung Bencana Khas.	Buku Tunai Dan Penyata Penyesuaian Bank telah disediakan bagi Tabung Bencana Khas.	Tindakan telah diambil sewajarnya.
20.5	PENGURUSAN ASET		
20.5(a)	Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Telah lengkap dan kemas kini.	Tindakan telah diambil sewajarnya
20.5(b)	Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan terhadap harta modal dan inventori.	Pemeriksaan sedang dijalankan.	Tindakan susulan perlu dibuat.
20.5(g)	Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Masih tidak lengkap dan kemas kini.	Tindakan susulan perlu dibuat.

27.6 LEMBAGA MUZIUUM NEGERI SELANGOR (LMS)

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
34.1	KAWALAN PENGURUSAN		
34.1.3	Manual Prosedur Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK) masih dalam proses mengemas kini.	Masih dalam proses kemas kini.	Tindakan susulan perlu dijalankan.
34.3	KAWALAN PERBELANJAAN		
34.3.7(i)	Projek Pembangunan Projek konservasi dan kerja-kerja menaiktaraf Muzium Timah tidak disiapkan sepenuhnya semasa lawatan Audit pada 22 Ogos 2006.	Projek konservasi telah disiapkan dan kawalan keselamatan telah diadakan. Pihak LMS telah menyerahkan Muzium Timah kepada Jabatan Warisan Negara untuk diuruskan	Tindakan susulan perlu dijalankan.
34.3.7(ii)	Projek konservasi dan kerja-kerja menaiktaraf Tapak Penjara Lama Jugra yang telah disiapkan sepenuhnya, tetapi telah terbiar tanpa sebarang tindakan oleh Lembaga semasa lawatan Audit pada 22 Ogos 2006.	Kontraktor pembersihan telah dilantik mulai 1 September 2006. Dua kakitangan juga telah ditempatkan pada 16 November 2006 dan bagi tujuan keselamatan 2 pengawal keselamatan telah ditempatkan mulai April 2007.	Tindakan susulan perlu dijalankan.
34.4	PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT		
34.4.2	Akaun Amanah Lembaga Muzium Selangor Buku tunai akaun amanah tidak diselenggarakan.	Perkara ini masih dalam tindakan.	Tindakan susulan perlu dijalankan.
34.5	PENGURUSAN ASET		
34.5.3(b)(i)	Pemeriksaan Fizikal Koleksi Sebanyak 63 koleksi bernilai RM76,685 yang sepatutnya ditempatkan di Balai Kebudayaan tidak dapat dikesan oleh pihak Lembaga.	49 koleksi telah dikenal pasti lokasinya. Baki sebanyak 14 unit bernilai RM16,835 tidak dapat ditemui laporan polis telah dibuat bertarikh 4 Februari 2008.	Tindakan susulan perlu dijalankan.
34.5.3(b)(ii)	10 koleksi di stor kebal bernilai RM81,100 tidak dapat dikesan.	8 koleksi telah ditemui manakala 2 unit bernilai RM20,700 tiada dalam simpanan.	Tindakan susulan perlu dijalankan.

27.7 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
39.1	KAWALAN PENGURUSAN		
39.1.4	Fail Meja Senarai tugas bagi 11 kakitangan Jabatan Perbendaharaan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.	Senarai tugas telah ditandatangani.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.1.5	Buku Rekod Perkhidmatan Semakan Audit mendapati rekod cuti bagi 3 kakitangan bagi tahun 2006 belum dikemaskinikan dalam Buku Rekod Perkhidmatan.	Buku Rekod Perkhidmatan telah dikemas kini.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.1.6	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Semakan Audit mendapati Majlis masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun seperti yang ditetapkan.	Penubuhan jawatankuasa telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 7/2007 pada 10 Ogos 2007.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2	KAWALAN TERIMAAN		
39.2.3	Penyata Penyesuaian Bank Penyata Penyesuaian Bank lewat disediakan antara 2 hingga 3 bulan.	Majlis menambah kakitangan dan akan menyediakan penyesuaian bank dalam masa 14 hari selepas penyata bank diterima.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan untuk memastikan Penyata Penyesuaian Bank tidak lewat disediakan.
39.2.5	Daftar Mel Tiada bukti semakan telah dibuat oleh pegawai bertanggungjawab terhadap daftar tersebut.	Majlis telah melantik Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk melakukan semakan terhadap daftar mel setiap 1 bulan sekali.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan untuk
39.2.6	Pemeriksaan Mengejut Semakan Audit mendapati tiada pemeriksaan mengejut dibuat oleh Pengarah Jabatan Perbendaharaan atau Ketua Jabatan terhadap wang tunai Majlis.	Majlis telah melantik Setiausaha, Pegawai Audit Dalam dan Akauntan untuk membuat pemeriksaan mengejut. Pada tahun 2007 sebanyak 3 kali pemeriksaan mengejut dilakukan terhadap panjar wang runcit di kaunter Majlis.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.7	Pengurusan Cukai Taksiran Usaha Majlis untuk mengurangkan baki tunggakan belum berhasil apabila jumlah tunggakan meningkat iaitu RM3.92 juta pada tahun 2005 kepada RM5.78 juta pada tahun 2006.	Majlis telah menubuhkan Bahagian Hasil yang diketuai oleh Pegawai Hasil Gred N41. Bahagian ini akan memastikan kutipan dan tunggakan hasil dapat dikutip dengan baik dan berkesan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.8	Pengurusan Sewaan		
39.2.8(a)	Tunggakan Sewa Gerai/Kedai Dan Bangunan	Usaha berterusan dibuat	Tindakan diambil adalah

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
	Pihak Audit mendapati jumlah tunggakan semasa bagi sewa gerai dan kedai sehingga akhir tahun 2006 berjumlah RM156,062.	seperti menghantar notis peringatan dan sitaan dilakukan terhadap premis-premis yang bermasalah untuk mengurangkan tunggakan sewa.	memuaskan.
39.2.8(b)	Penyelenggaraan Rekod Sewaan Tiada daftar diselenggarakan bagi setiap permohonan sewaan yang diterima.	Majlis akan mengambil perhatian agar setiap permohonan diselenggara dalam daftar.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
39.3 39.3.1	KAWALAN PERBELANJAAN Penyelenggaraan Buku Vot Wujud beberapa kelemahan pada sistem berkomputer antaranya:	Sistem vot berkomputer sedia ada tidak dapat berfungsi dengan baik. Majlis akan membangunkan sistem perakaunan baru yang merangkumi sistem vot pada tahun 2008.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
39.3.1(a)	Laporan senarai buku vot mendapati jumlah tanggungan belum selesai tidak kemas kini walaupun pembayaran telah dibuat. Ini menyebabkan nilai pemiutang Majlis tidak menunjukkan angka yang sebenar.	.	
39.3.1(b)	Sistem yang sama juga digunakan sebagai daftar pembekal. Senarai pembekal yang dimasukkan ke dalam sistem tidak dilengkapi dengan butiran seperti nombor telefon, nombor faksimile, nilai kredit dan jenis bekalan yang disediakan.		
39.3.4	Tender Dan Sebutharga Semakan Audit terhadap daftar pembekal mendapati beberapa kelemahan antaranya maklumat pembekal yang berdaftar tidak lengkap.	Teguran Audit akan diambil tindakan berhubung dengan maklumat pembekal yang tidak dapat dikemaskinikan	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
39.4 39.4.1 39.4.1(a)	PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT Akaun Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kenderaan Fail individu pinjaman tidak diuruskan dengan memuaskan. Beberapa fail individu tidak mengandungi salinan Kad Pendaftaran Kenderaan yang dicop "Hak Milik Dituntut Oleh Majlis".	Tindakan telah diambil dengan semua geran kenderaan telah dicop "Hakmilik Dituntut Oleh Majlis".	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 30 April 2008	Ulasan Audit
39.4.2	Pengurusan Deposit Pihak Audit mendapati jumlah deposit telah meningkat. Peningkatan jumlah deposit menunjukkan terdapat deposit yang tidak dituntut untuk satu jangka masa yang lama. Senarai individu deposit disediakan secara manual.	Majlis akan membangunkan sistem cagaran berkomputer supaya setiap akaun cagaran dapat diuruskan dan diselenggara dengan baik dan teratur.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.5 39.5.1	PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI Daftar Harta Modal, Daftar Inventori Dan Daftar Bekalan Pejabat Tiada bukti pemeriksaan harta modal dibuat oleh pegawai bertanggungjawab.	Majlis akan mengambil perhatian terhadap pemeriksaan harta modal.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
39.5.2 39.5.2(a)	Pengurusan Kenderaan Pelantikan Pegawai Pengangkutan Majlis tidak melantik Pegawai Pengangkutan dari Jabatan Kejuruteraan sebaliknya pengurusan kenderaan diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran. Dari aspek penyimpanan, Majlis tidak mempunyai tempat khusus untuk meletakkan kenderaan Majlis. Kenderaan Majlis diletakkan di kawasan pejabat Majlis sekiranya tidak digunakan.	Majlis telah melantik Juruteknik dan ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
39.5.2(b)	Buku Log Kenderaan 4 Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mac 2007.	Majlis mengambil perhatian yang serius berhubung dengan perkara ini.	Tindakan segera perlu dilaksanakan bagi memastikan Buku Log Kenderaan diselenggara.

BAHAGIAN VIII
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

28. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan juga menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007.

29. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2005 dan belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Jawatankuasa juga telah bermesyuarat 4 kali pada tahun 2007 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2005. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat kerajaan dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor
Sepanjang Tahun 2007

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
08.02.2007	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Pengurusan Kewangan
23.08.2007	i) Majlis Sukan Negeri Selangor ii) Majlis Perbandaran Sepang	i) Kawalan Pengurusan ii) Kawalan Hasil iii) Kawalan Perbelanjaan
10.09.2007	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	iv) Pengurusan Pelaburan v) Pengurusan Pinjaman vi) Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit vii) Pengurusan Aset

PENUTUP

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri di tahap yang baik namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

17 Julai 2008



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2007.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
17 Julai 2008

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2007

	Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
WANG AWAM				
A	WANGTUNAI	6	776,438,483.79	570,542,340.96
B	PELABURAN	7	610,304,194.27	421,207,630.94
			<u>1,386,742,678.06</u>	<u>991,749,971.90</u>
DIPEGANG BAGI :				
KUMPULANWANG DISATUKAN				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	8	624,864,004.42	492,986,333.95
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	9	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	10	761,878,673.64	498,763,637.95
			<u>1,386,742,678.06</u>	<u>991,749,971.90</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)
D.S.I.S, A.M.N.
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

14 MEI 2008

(SAAT BIN ESA)
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai
seperiti pada 31 Disember 2007

			2007	
TERIMAAN			RM	RM
Hasil				
	Hasil Cukai	Penyata C	446,049,926.81	
	Hasil Bukan Cukai	Penyata C	559,819,627.25	
	Terimaan Bukan Hasil	Penyata C	<u>279,230,550.86</u>	1,285,100,104.92
Pinjaman				
	Pinjaman Dalam Negeri		0.00	
	Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>	0.00
Terimaan Modal				
	Terimaan Balik Pinjaman	Penyata E1b	1,494,944.97	
	Jualan Aset Modal		0.00	
	Pelbagai Terimaan Modal	Penyata E1a/E1d	<u>17,234,638.86</u>	18,729,583.83
Lain-Lain Terimaan				
	Terimaan Amanah	Penyata E1c/E2/E3	<u>319,934,779.62</u>	319,934,779.62
Jumlah Terimaan				<u>1,623,764,468.37</u>
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus				
	Emolumen	Penyata C	(169,284,877.36)	
	Perkhidmatan Dan Bekalan	Penyata C	(286,128,265.36)	
	Aset	Penyata C	(11,271,893.67)	
	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	Penyata C	(125,221,828.54)	
	Perbelanjaan Lain	Penyata C	<u>(10,060,002.34)</u>	(601,966,867.27)
Perbelanjaan Pembangunan				
	Langsung	Penyata E1a/E1d	(625,549,327.76)	
	Pinjaman		<u>0.00</u>	(625,549,327.76)
Perbelanjaan Modal				
	Pembelian Instrumen Kewangan	Penyata B	(189,096,563.33)	
	Pengeluaran Pinjaman		<u>0.00</u>	(189,096,563.33)
Bayaran Balik Pinjaman				
	Pinjaman Dalam Negeri	Penyata G1	(1,255,567.18)	
	Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>	(1,255,567.18)
Lain-Lain Bayaran				
	Bayaran Amanah		<u>0.00</u>	0.00
Jumlah Bayaran				<u>(1,417,868,325.54)</u>
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai				205,896,142.83
Wangtunai Pada 01 Januari 2007				<u>570,542,340.96</u>
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2007				<u>776,438,483.79</u>

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)
D.S.I.S., A.M.N.
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

4 MEI 2008

(SAAT BIN ESA)
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2007

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
F ASET			
F1 Pinjaman Boleh Dituntut	12a	588,826,202.10	447,025,771.15
F2 Pelaburan	12b	141,479,693.00	211,555,001.82
F3 Tunggakan Hasil Negeri	12c	670,571,774.21	802,776,489.81
JUMLAH ASET		1,400,877,669.31	1,461,357,262.78
LIABILITI			
G Hutang Awam	13a	1,039,561,974.28	1,040,511,918.93
JUMLAH LIABILITI		1,039,561,974.28	1,040,511,918.93

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)
D.S.I.S., A.M.N.
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

Kt MEI 2008

(SAAT BIN ESA)
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

C Penyata Akaun Hasil Disatukan

seperti pada 31 Disember 2007

Perihal	2007			2006	
	Belanjawan	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		492,986,333.95		420,464,744.26	
I HASIL					
Hasil Cukai	506,037,600.00	446,049,926.81	88.15	452,162,208.17	120.90
Hasil Bukan Cukai	464,462,400.00	559,819,627.25	120.53	494,723,290.58	126.43
Terimaan Bukan Hasil	179,500,000.00	279,230,550.86	155.56	213,324,434.78	60.14
Jumlah Hasil	1,150,000,000.00	1,285,100,104.92	111.75	1,160,209,933.53	103.59
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	184,910,579.12	169,284,877.36	91.55	171,864,804.38	97.30
Perkhidmatan dan Bekalan	305,881,251.60	286,128,265.36	93.54	253,697,446.46	98.39
Aset	12,607,113.89	11,271,893.67	89.41	13,737,371.82	95.21
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	712,822,023.14	675,221,828.54	94.73	638,289,979.93	96.63
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	11,340,421.25	11,315,569.52	99.78	10,098,741.25	95.59
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	1,227,561,389.00	1,153,222,434.45	93.94	1,087,688,343.84	97.12
Lebihan/(Defisit) Bagi Tahun	(77,561,389.00)	131,877,670.47		72,521,589.69	
BAKI PADA 31 DISEMBER		624,864,004.42		492,986,333.95	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

NOTA KEPADA AKAUN AWAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersamping dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING

1. Dasar Dan Asas Perakaunan

- a) Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan penggunaan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Akaun Awam disediakan berasaskan **tunai ubahsuai**. Asas ini membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari (Akaun Kena Bayar) bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

2. Kaedah Perakaunan

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan dua konsep seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu :-

- a) Konsep Kumpulanwang Disatukan yang berpunca dari segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayarmasuk ke dalam Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan) ; dan
- b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran dari Kumpulanwang Disatukan Negeri melalui Enakmen Perbekalan tahunan dan tambahan serta Undang-undang lain. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui Enakmen Perbekalan adalah untuk maksud dan amaun yang ditetapkan dan kuasa berbelanja yang tidak digunakan akan luput pada akhir tahun. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui undang-undang lain untuk maksud dan amaun yang tertentu bagi tempoh masa seperti yang ditetapkan tidak akan luput pada akhir tahun ia diberi.

3. Kumpulanwang Yang Disatukan

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972), terdapat tiga akaun berasingan yang diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Yang Disatukan iaitu :-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil negeri yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini;
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mana mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang dibuat kepada Badan-Badan Berkanun Negeri termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri atau Kumpulanwang yang lain ke akaun ini; dan

- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan Negeri, deposit dan pelbagai Kumpulanwang Amanah untuk maksud tertentu diakaunkan.

4. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Sebagai Entiti Perakaunan.

Sebagai Entiti Perakaunan, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri **tetapi tidak termasuk** Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

5. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

LEMBARAN IMBANGAN

6. Wangtunai – Penyata A

- a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.
- b) Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambilkira urusanniaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki wangtunai dalam bank seperti pada 31 Disember 2007 berjumlah RM776,438,483.79.

7. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Yang Disatukan. Pelaburan diambilkira pada nilai buku. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

Pelaburan Tabung Perumahan Ehsan adalah merupakan pelaburan dan hutang yang sama ditunjukkan seperti dalam Akaun Memorandum di Penyata G. Akaun Pelaburan di dalam Petronas Dagangan Bhd dan Malaysia Airport Berhad berjumlah RM15,050,000.00 merupakan sebahagian dari Akaun Pelaburan Awam di dalam saham dan syer telah dijual oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan dan bayarannya belum diterima.

8. Akaun Hasil Disatukan

a) Hasil – Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan

berkenaan tidak diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2

Semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan gantirugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri ianya tidak termasuk dalam Enakmen-enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

9. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

10. Akaun Amanah Yang Disatukan – Penyata E

a) Kumpulanwang Pembangunan – Penyata E1a

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Terimaan Kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Persekutuan (Geran), terimaan bayaran balik pokok pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, pemberian imbuhan balik projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

b) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan – Penyata E1b

Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada

anggota perkhidmatan awam negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sumber kewangan Kumpulanwang ini terdiri daripada peruntukan Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan Akaun Pinjaman, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah yang diterima.

c) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1c) ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan.

d) Kumpulanwang Pembangunan Hutan – Penyata E1d

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara. Terimaan Kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman yang diterima dari Kerajaan Persekutuan, Caruman Dari Akaun Hasil Yang Disatukan Negeri dan Ses Pembangunan Hutan.

e) Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E2

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

f) Deposit – Penyata E3

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

g) Akaun Kena Bayar

Baki Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi suatu tahun kewangan berkenaan tetapi bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI

11. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan lain-lain terimaan. Bayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus pembangunan, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran.

AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Yang Disatukan. Ia tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan sebagai Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Akaun Awam terdiri dari penyata yang berkaitan dengan ASET iaitu Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan (Penyata F2), Penyata Tunggakan Hasil (Penyata F3) dan Perbelanjaan Boleh Dituntut Balik. Manakala TANGGUNGAN pula meliputi Hutang Kerajaan Negeri (Penyata G).

12. Aset – Penyata F

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terakru dan Pinjaman boleh tuntutan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh tuntutan (Penyata F1), pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus (Penyata F2) dan penyata tunggakan hasil (Penyata F3) di tunjukkan dalam Akaun Memorandum.

a) Pinjaman Boleh Tuntut – Penyata F1

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri dan sumber Persekutuan.

b) Pelaburan – Penyata F2

Maklumat terkumpul pelaburan Kerajaan Negeri dalam Badan-badan Berkanun, syarikat dan agensi-agensi lain yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam penyata ini.

c) Penyata Tunggakan Hasil – Penyata F3

Maklumat terkumpul tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang belum dapat dikutip oleh Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri termasuk lain-lain terimaan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri.

Tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 meliputi **semua** tunggakan hasil yang belum diterima oleh Kerajaan Negeri.

13. Tanggungan – Penyata G

Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

a) Hutang Awam – Penyata G1

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan lain yang masih belum diselesaikan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri, Badan-badan Berkanun dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.

Baki pinjaman bagi Projek Bekalan Air Selangor telah diambilalih oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) melalui Perjanjian Konsesi Penswastan Bekalan Air bertarikh 15 Disember 2004 di mana bayaran balik akan dibuat mulai tahun 2010 hingga 2033 oleh pihak SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

14. Persembahan Penyata Kewangan dan Angka Perbandingan

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan tahun 2007 adalah mengikut format Piawaian Perakaunan Kerajaan (PKK 2) yang berkuatkuasa mulai tahun 2005.